

Volume II
No. 46



Tuesday
7th February, 1961

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 5075]

MOTIONS—

The Second Five-Year Plan [Col. 5083]

ADJOURNMENT SPEECH [Col. 5167]

PRINTED AT THE GOVERNMENT PRESS
BY THOR BENG CHONG, ACTING GOVERNMENT PRINTER
FEDERATION OF MALAYA
1961

FEDERATION OF MALAYA
DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Second Session of the First Dewan Ra'ayat

Tuesday, 7th February, 1961

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr. Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, S.P.M.J., D.P.M.B., J.P.
- „ the Prime Minister and Minister of External Affairs, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of Rural Development, TUN ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Internal Security, DATO' DR. ISMAIL BIN DATO' ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johore Timor).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Malacca Tengah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).
- „ the Minister of Transport, ENCHE' SARDON BIN HAJI JUBIR (Pontian Utara).
- „ the Minister of Health and Social Welfare, DATO' ONG YOKE LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).
- „ the Minister of Labour, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Education, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB (Kuantan).
- „ the Assistant Minister of Information and Broadcasting, TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N. (Johore Tenggara).
- „ the Assistant Minister of Education, ENCHE' ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Assistant Minister of Rural Development, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, ENCHE' CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang).
- „ the Assistant Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).

The Honourable the Assistant Minister of the Interior, ENCHE' MOHAMED ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF (Jerai).

- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Malacca Utara).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN (Krian Laut).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungei Patani).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF (Kuala Kangsar).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).
- „ ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J. (Johore Bharu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ DR. BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHAN SWEE HO (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).
- „ ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).
- „ ENCHE' V. DAVID (Bungsar).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).
- „ TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Malacca Selatan).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN (Raub).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).
- „ CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).
- „ ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).
- „ ENCHE' LEE SAN CHOON (Kluang Utara).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).

The Honourable ENCHE' LEE SIOK YEW (Sepang).

- „ DR. LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- „ ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jelebu-Jempol).
- „ ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).
- „ ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI (Kuala Selangor).
- „ ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).
- „ DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K. (Pasir Mas Hulu).
- „ ENCHE' MOHAMED SULONG BIN MOHD. ALI, J.M.N. (Lipis).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
- „ ENCHE' NG ANN TECK (Batu).
- „ DATO' ONN BIN JA'AFAR, D.K., D.P.M.J. (Kuala Trengganu Selatan).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Perlis Utara).
- „ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID (Rembau-Tampin).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).
- „ ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TENGKU INDRA PETRA IBNI AL-MARHUM SULTAN IBRAHIM, J.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
- „ WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED (Kemaman).
- „ ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Datoh).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).
- „ PUAN HAJAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S. (Pontian Selatan).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).
- „ ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

The Honourable the Minister of the Interior, DATO' SULEIMAN BIN DATO' ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Muar Selatan).

„ the Minister of Commerce and Industry, ENCHE' MOHAMED KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).

„ ENCHE' GEH CHONG KEAT (Penang Utara).

„ ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).

„ ENCHE' LIM JOO KONG (Alor Star).

„ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).

„ ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).

„ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Malacca).

„ WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).

„ ENCHE' WOO SAIK HONG, P.J.K., J.P. (Telok Anson).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Minister of Justice, TUN LEONG YEW KOH, S.M.N.

PRAYERS

(Mr. Speaker in the Chair)

ORAL ANSWERS TO
QUESTIONS

Raub Hospital—Maternity Ward

1. Enche' Hussein bin To' Muda Hussein asks the Minister of Health and Social Welfare to state whether Government intends to extend the Maternity Ward at the Raub Hospital, so that more patients can be admitted to the ward.

The Minister of Health and Social Welfare (Dato' Ong Yoke Lin): Ya, Tuan.

Pengharaman Membawa Masok dan
Membakar Merchun

2. Enche' D. R. Seenivasagam bertanya kapada Menteri Keselamatan Dalam Negeri ia-itu oleh kerana dharurat telah tamat maka ada-kah Kerajaan hendak melonggarkan pengharaman terhadap membawa masok dan meletupkan merchun² China dalam tempoh hari Tahun Baharu China pada tahun ini, dan, jika tidak, apa-kah sebab²-nya.

The Minister of Internal Security (Dato' Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, pengharaman membawa masok dan

membakar merchun, yang telah di-kuat-kuasakan dalam masa dharurat dahulu, telah pun di-semak sa-mula dan di-putusan ia-itu pengharaman itu tidak akan di-longgarkan pada waktu apa jua pun. Sa-lain daripada bahaya dan bising-nya merchun itu kapada orang ramai ubat letupan di-dalam-nya boleh juga di-keluarkan untuk tujuan² yang jinayah. Dasar Kerajaan di-atas perkara ini ia-lah untuk mengawal dengan sa-keras²-nya segala barang² yang merbahaya samacham ini dan kita mesti-lah berjaga² supaya samsing² dan orang jahat tidak berpeluang dapat menggunakan ubat letupan daripada puncha yang tersebut. Sa-bagaimana yang telah ternyata pada tahun² yang lepas Tahun² Baharu boleh di-rayakan dengan meriah-nya dengan tidak menggunakan merchun langsung.

Enche' D. R. Seenivasagam: Mr. Speaker, Sir, the answer given by the Honourable Minister appears to be that the firing of Chinese crackers and the ban on Chinese crackers is going to be a permanent feature in this country. My supplementary question is this—the reason given was that it is a nuisance and a danger; may I ask the Honourable Minister to state why then during Hari Raya the firing of carbide—a much more dangerous hobby—through bamboo sticks is allowed to be indulged in by kampung

folks? This is a much more dangerous practice.

Dato' Dr. Ismail: Itu pun di-larang-kan.

Enche' D. R. Seenivasagam: Why then do the Police of his country go about with their eyes open and taking no action when that is done?

Dato' Dr. Ismail: Saya tidak ber-setuju dengan apa yang di-chakapkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Payment of Compensation by the Central Electricity Board to Smallholders

3. Enche' V. Veerappen (Seberang Selatan) asks the Minister of Commerce and Industry whether he is aware that in carrying out extensions of new electricity mains, the Central Electricity Board pays no compensation to owners of land when cutting town trees within 50 feet of a road, and that this causes considerable loss of income to smallholders, who depend very much on the income from these rubber and coconut trees for their livelihood; and, if so, whether he would consider amending the system of compensation to help these people.

The Assistant Minister of Commerce and Industry (Enche' Cheah Theam Swee): Mr. Speaker, Sir, I take it that the question refers to Section 58, sub-section (1), of the Electricity Ordinance, 1949, and with particular reference to the proviso to that section. I am fully aware of the whole of Section 58 of the Electricity Ordinance. There has been no evidence whatsoever of considerable loss of income to smallholders when the Central Electricity Board carries out its duties under Section 58, sub-section (1), of the Ordinance. I am constantly observing the operations of the Central Electricity Board within the powers given to it by the Ordinance, and finds that in this case the circumstances as set out in the Honourable Member's question with regard to smallholders do not exist and, therefore, I do not intend to introduce any amendment to Section 58. But I can assure this House that if I find that smallholders in general are being affected in any considerable

way, I will not hesitate to consider the matter again.

Enche' V. Veerappen: Could the Minister say that he has not received any representations from people who have been affected?

Enche' Cheah Theam Swee: No, Sir.

Enche' V. Veerappen: Could it be possible that such representations have not reached him, or have they been stopped half-way?

Enche' Cheah Theam Swee: The procedure in the Board is not within my portfolio.

Full Employment

4. Enche' K. Karam Singh asks the Minister of Labour to state whether the Government of the Federation of Malaya accepts the principle of full employment for all its citizens, and if the answer is "No", to state the reasons.

The Minister of Labour (Enche' Bahaman bin Samsudin): Tuan Speaker, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menerima dasar khidmatan penoh bagi sakalian warganegara.

Enche' K. Karam Singh: Sir, as the Government has said that it accepts the principle of full employment for all its citizens, my supplementary question is: how does the Government propose to implement this principle?

Enche' Bahaman bin Samsudin: Kalau Ahli Yang Berhormat itu membach a Five-Year Development Plan, ia akan dapat mengetahui yang kita berchadang akan memberi kerja kapada 340,000 orang.

Enche' K. Karam Singh: Sir, how does the Government propose to discharge its responsibilities to those citizens and their dependants for whom it is unable to provide employment?

Enche' Bahaman bin Samsudin: Itu soal lain.

Tahanan Dalam Lock-up Balai Polis

5. Enche' K. Karam Singh bertanya kepada Menteri Keselamatan Dalam Negeri ia-itu apa-kah sebab-nya maka hanya Koh Pak Ngee dan Tan Pin Ying di-antara orang yang di-tahan

baharu² ini di-tahan dalam lock-up High Street, manakala yang lain²-nya yang di-tahan bersama² mereka telah pun di-hantar ka-Khemah Tahanan di-Batu Gajah.

Dato' Dr. Ismail: Tuan Yang di-Pertua, orang² yang berkenaan itu sabagaimana juga orang² tahanan yang lain telah di-tahan oleh pihak polis bagi masa yang sa-singkat²-nya untuk menyempurnakan segala penyiasaan.

Enche' K. Karam Singh: Mr. Speaker, Sir, why was it necessary that the investigations into the case of these two people were prolonged so long after the investigations into the cases of other detainees were terminated? What were the special reasons?

Dato' Dr. Ismail: Tuan Yang di-Pertua, jawapan-nya senang sahaja bahawa sa-paroh orang lekas dipereksa dan sa-paroh-nya lambat. Manusia pun ada berlainan tabi'at-nya.

Enche' Liu Yoong Peng (Rawang): Mr. Speaker, Sir, what is the minimum period of being kept in the lock-up?

Dato' Dr. Ismail: Jawab-nya, tidak ada minimum.

Enche' V. David (Bungsar): Sir, what is the maximum then? (*Laughter*).

6. Enche' K. Karam Singh asks the Minister of Internal Security to state when Koh Pak Ngee and Tan Pin Ying will be transferred to a detention camp.

Dato' Dr. Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Koh Pak Ngee telah di-pindahkan kapada satu tempat tahanan pada 26 haribulan January, 1961, dan Tan Pin Ying pula telah di-pindahkan pada satu tempat pada 4 haribulan February, 1961.

Enche' K. Karam Singh: Mr. Speaker, Sir, supplementary question. Where have these two detainees been transferred to?

Dato' Dr. Ismail: That is a question which, I think, I will be able to inform the Honourable Member if it is only for his information.

Enche' K. Karam Singh: I did not hear that reply, Sir.

Dato' Dr. Ismail: Sir, if the Honourable Member would only listen to my reply rather than thinking of asking supplementary questions, perhaps he would have heard my reply.

Mr. Speaker: Will you repeat your reply? (*Laughter*).

Dato' Dr. Ismail: I said if he wants the information for himself, I can give it to him.

Enche' D. R. Seenivasagam: Mr. Speaker, Sir, supplementary question. May we know whether, from what the Honourable Minister says, this House is not entitled to know where these two persons are being detained? And if the answer is "No," then why are we not being told?

Dato' Dr. Ismail: Well, Sir, the question was asked by the Honourable Member for Damansara and I said that if the Honourable Member is interested, I will tell him. But if other Members of the House are interested, I will tell them too. (*Laughter*).

Enche' D. R. Seenivasagam: Mr. Speaker, Sir, I am interested myself.

Dato' Dr. Ismail: I will give the Honourable Member the information too.

Enche' K. Karam Singh: Mr. Speaker, Sir, I am not asking this information privately. I am asking this information so that the country can know, and I expect the Minister will honour his public obligation and give us the information in this House.

Dato' Dr. Ismail: Well, I will give it to him at the next meeting of Parliament.

Dato' Onn: Mr. Speaker, Sir, this question is made in an open House, in Dewan Ra'ayat, and it is incumbent upon the Minister to reply to that question openly; to give that information to this House and not to any particular individual.

Dato' Dr. Ismail: I am not suggesting that I am going to reply in secret.

Enche' K. Karam Singh: If the Minister refuses to tell us where these two detainees have been sent, Mr. Speaker, Sir, I would want to know

whether they are in this country, or whether they have been sent out of this country; and what is their condition, because the Minister's secretiveness over this matter causes concern over the safety of these two detainees.

Enche' S. P. Seenivasagam: Mr. Speaker, Sir, supplementary question. Is it not a fact that the Minister himself does not know where these two men are? Is that not the truth?

Dato' Dr. Ismail: There are only two camps left.

Enche' D. R. Seenivasagam: Mr. Speaker, Sir, a supplementary question has been asked by me: will the Honourable Minister disclose to this House where these two persons are being detained? We would like an unequivocal answer to that question.

Mr. Speaker: You are asking him to inform the House? (to *Dato' Dr. Ismail*) Are you prepared to do it?

Dato' Dr. Ismail: Sir, there are only two detention camps left. But if the Honourable Member wants to know exactly which one, I would require notice of that.

Enche' V. David: Will the Honourable Minister say that these people are being detained under a disgusted place of detention?

Dato' Dr. Ismail: They will not be under any more severe circumstances than the Honourable Member has experienced. (*Laughter*).

Dato' Onn: Sir, the Honourable Minister has said that there are only two detention camps left. Can he not tell this House which one of the two these people are detained in? (*Laughter*).

Enche' D. R. Seenivasagam: Mr. Speaker, Sir, do we have an assurance from the Honourable Minister that these two persons at least are in one of the two detention camps? (*Laughter*).

Dato' Dr. Ismail: Yes.

Kesilapan Polis berhubung dengan Ahli
Parlimen

7. Enche' Liu Yoong Peng bertanya
kapada Menteri Keselamatan Dalam

Negeri ia-itu oleh kerana memandang kapada akuan-nya sendiri dalam meshuarat perbelanjawan Majlis ini yang lalu, ia-itu satu kesalahan telah di-lakukan oleh Polis meminta sa-orang Ahli Yang Berhormat Dewan ini datang ka-Polis Station, Pulau Pinang, bolehkah beliau memberitahu Dewan ini:

(a) apa-kah tindakan, jika ada, yang telah di-ambil terhadap pegawai yang bersangkutan kerana kesalahan itu;

(b) ada-kah beliau telah menjalankan langkah hendak meminta ma'af kapada Ahli Yang Berhormat itu, kerana kepayaahan yang di-datangkan oleh kesalahan itu.

Dato' Dr. Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana saya menyatakan dahulu ia-itu perkara ini ada-lah satu perkara yang tersilap. Perkara ini telah di-siasat dengan sa-penoh-nya dan saya puas hati ia-itu pegawai yang bersangkutan itu telah menjalankan tugas-nya dengan jujur dan setia manakala ia menjemput Ahli Yang Berhormat itu datang ka-Balai Polis tersebut. Sa-baik sahaja kesilapan itu di-sedari maka tindakan pun telah di-ambil oleh pihak Polis bagi memberitahu supaya meminta ma'af kapada Ahli Yang Berhormat itu. Oleh sebab yang demikian apa tindakan terhadap pegawai Polis tersebut ada-lah di-fikirkan tidak mustahak.

Jawapan (b) ia-itu apabila Ahli Yang Berhormat itu datang ka-Balai Polis, ucapan meminta ma'af telah di-sampaikan kerana gangguan yang telah di-alami itu.

Enche' V. David: Sir, was he given a written apology?

Dato' Dr. Ismail: Sir, I said that an apology was made to him. If he understands the National Language, or if he has listened in to the translation, he would have known that it was a verbal one.

Enche' V. David: Sir, great inconvenience has been caused to a Member of this House by the Police. I am not satisfied with the Police Officer giving a verbal apology; it should have been a written apology. Will the Minister do so?

Dato' Dr. Ismail: Sir, I am satisfied even if the Honourable Member is not.

Enche' Liu Yoong Peng: Sir, can the Honourable Minister tell us whether he has replied to Question No. 7 (b), that is whether he—not the subordinate officers—has taken any action to apologise?

Mr. Speaker: I think he has replied already.

MOTIONS

THE SECOND FIVE-YEAR PLAN

The Deputy Prime Minister (Tun Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, saya menhadangkan:

Bahawa oleh kerana Majlis ini sangat² sedar betapa mustahak-nya di-segerakan usaha² bagi meninggikan taraf iktisad negara dan membetulkan kedudukan penduduk² bandar dan penduduk² luar bandar yang tidak seimbang itu dan oleh kerana Majlis ini sedar bahawa kejayaan bagi mencapai tujuan² dan matalamat² Rancangan Lima Tahun yang Kedua adalah bergantung kepada kerjasama yang penoh dan bersungguh² dari ra'ayat, maka Majlis ini memperkenankan chadangan² Kerajaan hendak melaksanakan Rancangan Lima Tahun yang Kedua dengan tujuan²-nya, keutamaan² dan achara²-nya sa-bagaimana yang di-bentangkan dalam Kertas Titah Bil. 3 tahun 1961.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan perasaan yang bangga dan dengan penoh keshukoran membentangkan dihadapan Dewan ini Rancangan Kemajuan Lima Tahun yang Kedua Kerajaan Persekutuan. Rancangan ini bertujuan hendak membesar dan meluaskan kemajuan iktisad di-negeri ini, membaiki keadaan iktisad ra'ayat negeri ini, terutama sa-kali mereka² yang dudok di-luar bandar, supaya ra'ayat negeri ini, kita semua, dan keturunan kita dapat memperoleh taraf hidup yang lebih baik dan lebih bahagia daripada yang ada sekarang ini. Rancangan ini rancangan yang besar, yang akan memakan perbelanjaan sa-banyak \$2,150 juta ia-itu 2 kali ganda banyak-nya daripada peruntukan bagi Rancangan Lima Tahun yang Pertama ia-itu Rancangan tahun 1956/1960. Langkah yang di-ambil oleh Kerajaan ini ada-lah langkah yang berani dan tegas dan rancangan ini ada-lah merupakan

satu chabaran dan dugaan besar kepada Kerajaan dan penduduk² negeri ini untuk melaksanakan-nya, akan tetapi Kerajaan yakin dan perchaya, dengan jentera pertadbiran yang ada sekarang ini yang telah di-susun dan di-perbaiki dan dengan kerjasama yang akan di-beri oleh penduduk² negeri ini, rancangan ini akan dapat di-jayakan dengan sempurna dan memuaskan hati.

Oleh itu saya berseru kepada semua sa-kali Ahli² Yang Berhormat, Pegawai² Kerajaan dan kepada semua pegawai² di-perengkat Federal dan Negeri dan ra'ayat jelata seluroh-nya supaya menjadikan pelaksanaan rancangan ini sabagai satu amanat yang penting sa-kali. Bagi menjayakan rancangan ini kita kehendakkan tenaga yang penoh daripada semua pehak dan berkehendakkan juga kerjasama yang penoh daripada ra'ayat jelata seluroh-nya. Kerajaan perchaya tenaga² dan kerjasama yang di-kehendaki itu akan di-tunjokkan oleh semua pehak. Rancangan Kemajuan Luar Bandar akan menjadi bahagian yang besar dan penting didalam Rancangan Lima Tahun yang Kedua ini dan telah pun berjalan dengan giat.

Masa merencanakan rancangan Pembangunan Luar Bandar ini, pegawai² dan wakil² ra'ayat di-perengkat negeri dan jajahan telah memberi kerjasama yang penoh dan rancangan itu telah mendapat sokongan yang penoh daripada ra'ayat jelata sakalian. Ini ada-lah dalil yang terang menunjokkan bahawa kerjasama dan sokongan yang di-kehendaki oleh Kerajaan akan di-beri oleh semua pehak bagi melaksanakan Rancangan Kemajuan Luar Bandar yang Kedua ini. Rancangan Kemajuan Kerajaan ini ia-lah rancangan kemajuan kebangsaan yang akan memberi faedah kepada semua penduduk² negeri ini dan patut sangatlah di-beri sokongan oleh semua penduduk negeri dari semua bangsa. Oleh itu mustahak-lah tiap² orang penduduk negeri ini yang ta'at setia dan kaseh sayang akan negeri ini, walau pun daripada apa bangsa dan apa juga faham politik-nya, memberi kerjasama yang penoh bagi menjayakan rancangan ini dengan sa-penoh²-nya.

Dari tahun 1956 sampai tahun 1960 Kerajaan telah melaksanakan Rancangan Kemajuan Lima Tahun yang Pertama, dan dalam rancangan itu banyak-lah kemajuan² yang telah tercapai dalam berbagai² lapangan dan yang mustahak sa-kali ia-lah dalam lapangan menanam getah sa-mula bagi kebun² besar dan bagi kebun² kecil. Pekerjaan ini telah berjalan dengan amat jaya-nya sa-hingga Persekutuan Tanah Melayu pada hari ini telah menjadi negeri yang paling terkemuka sa-kali di-dalam hal mengeluarkan getah di-dunia ini, dan negeri ini telah berjaya melawan merebak-nya getah tiruan atau synthetic rubber dalam pasaran dunia. Dan lagi kita juga merasa bangga di-atas kejayaan yang tercapai dalam lapangan pembukaan tanah baharu. Sunggoh pun banyak kesukaran² yang terpaksa di-hadapi, namun pihak F.L.D.A. dengan pertolongan dan kerjasama Kerajaan² Negeri telah berjaya mengadakan dua buah Rancangan² Kemajuan Tanah. Lebih kurang 30,000 ekar telah dipunggar dalam masa 15,000 ekar telah di-tanam getah. Lebih kurang 3,500 kelamin telah di-tempatkan di-ranchangan² itu.

Berkenaan dengan pengangkutan, maka dalam Rancangan Lima Tahun yang Pertama, Kerajaan telah mengutamakan pekerjaan memperbaiki jalan² yang sedia dan tidak banyak membuka jalan² raya baharu, akan tetapi sunggoh pun demikian jalan² di-seluruh Persekutuan telah bertambah panjang-nya lebih kurang 10 peratus.

Berkenaan dengan talipon bilangan orang² yang mempunyai talipon telah bertambah lebih kurang 30 peratus dan Talipon Exchange di-daerah luar bandar telah bertambah lebih kurang 24 peratus. Berkenaan dengan Kuasa Letrik, kuasa² yang telah di-keluarkan oleh C.E.B. telah bertambah lebih kurang 27 peratus, dan banyak-nya orang yang mendapat faedah daripadanya telah bertambah lebih kurang 60 peratus. Dalam lapangan lain, terutama sa-kali dalam lapangan pelajaran, maka dalam masa lima tahun yang lalu Kerajaan telah berjaya mengadakan tempat untuk tiap² sa-orang kanak² yang berumur enam tahun ka-atas, dengan tujuan hendak membesar dan meluas-

kan peluang² mereka di-sekolah. Tempat bagi latehan guru² dan juga tempat pelajaran teknik telah di-luaskan, begitu juga pelajaran² tinggi. Kemajuan dalam lapangan pelajaran dalam masa lima tahun yang lalu boleh di-katakan tidak ada tolok banding-nya di-mana² negeri di-dunia ini. Begitu juga di-dalam lapangan kesehatan, Kerajaan telah mulai membesar dan meluaskan perkhidmatan kesehatan di-daerah luar bandar dan pada hari ini penduduk² luar bandar telah berjaya mendapat kemudahan² perubatan dan kesehatan yang lebih luas lagi. Di-dalam lapangan pertanian, pengeluaran getah dan padi telah bertambah di-sebabkan oleh rancangan menanam sa-mula getah dan juga di-sebabkan oleh rancangan² tali ayer dan juga rancangan² lain yang telah melipat gandakan hasil pengeluaran padi. Sunggoh pun dalam masa lima tahun itu kita terpaksa menghadapi keadaan Dharurat dan banyak kaki-tangan serta tenaga Kerajaan terpaksa di-tumpukan kepada soal² Dharurat, dan tambahan pula pada tahun 1958 negeri kita telah menghadapi kemerosotan iktisad dunia atau "world-wide recession" namun demikian kita telah berjaya menjalankan rancangan² itu dan membelanjakan \$932 juta daripada anggaran sa-banyak \$1,150 juta yang kita telah untukkan bagi Rancangan Lima Tahun yang Pertama itu. Ini menunjukkan satu kejayaan luar biasa kerana hanya 15 peratus daripada peruntukan itu yang tiada di-belanjakan. Kalau kita pandang kepada kesukaran² yang kita sebutkan tadi boleh di-katakan Rancangan Kemajuan Lima Tahun yang Pertama itu telah di-laksanakan dengan kejayaan yang besar.

Perkara yang besar yang menyebabkan Kerajaan Persekutuan berjaya menjalankan rancangan² kemajuan ia-lah kekuatan kedudokan wang negeri ini dan juga kekuatan perkhidmatan negeri ini. Oleh sebab kekuatan² ini maka kita telah berjaya menghadapi kesukaran² iktisad dunia atau "world trade recession" dengan tidak payah mengadakan chatuan bagi barang² masuk atau pun Exchange Control.

Sunggoh pun banyak kejayaan² yang telah di-chapai dalam masa Lima Tahun yang Pertama akan tetapi banyak

lagi masaalah² yang kita mesti hadapi di-dalam kemajuan² negeri ini terutama sa-kali di-daerah luar bandar, kerana kemajuan² di-luar bandar itu belum lagi memuaskan hati kita. Oleh sebab itu Kerajaan berazam untuk mengatasi segala masaalah² itu di-dalam Rancangan Lima Tahun yang Kedua ini terutama sa-kali Kerajaan berazam hendak menghapuskan kemiskinan, hendak menghapuskan buta huruf, hendak menghapuskan penyakit² dan juga kesulitan² yang di-dapati di-kampung dan di-luar² bandar. Jikalau keadaan di-kampung² itu hendak di-perbaiki dengan sempurna-nya, kenalah kita lancharkan serangan sechara besar²an dengan giat-nya dan dengan penoh semangat. Kita perlu baiki keadaan kampung² di-luar bandar supaya perbezaan iktisad di-antara penduduk² di-luar bandar dengan penduduk² di-bandar itu dapat di-kurangkan, dan dengan jalan ini-lah sahaja dapat penduduk² di-negeri ini hidup dengan aman, damai dan ma'mor. Juga memang mereka yang dudok di-luar bandar itu sangat ingin kapada kemajuan dan perubahan nasib serta taraf hidup mereka, oleh itu mustahak-lah kita memuaskan hati mereka itu dan mustahak-lah kita melaksanakan kehendak² mereka itu dengan sa-beberapa daya upaya maka dengan tujuan² ini-lah Kerajaan telah menyediakan Rancangan Kemajuan Lima Tahun yang Kedua ini.

Tujuan² rancangan ini ia-lah saperti berikut:

Pertama memberi peluang dan pertolongan kapada penduduk² luar bandar bagi membaiki iktisad dan masharakat mereka.

Kedua menyediakan peluang² bekerja untuk buroh² negeri ini yang akan bertambah dalam masa lima tahun ini sa-banyak 15 peratus.

Ketiga hendak meluaskan lapangan iktisad negeri ini supaya tanaman² sa-lain daripada getah dapat di-galakkan dan supaya dapat di-adakan kilang² perusahaan untuk menambahkan hasil negeri sambil memberi peluang bekerja kapada ra'ayat negeri ini.

Keempat sambil membaiki taraf hidup ra'ayat dan memberi pelauang kapada mereka itu memperbesar dan meluaskan mata pencharian-nya, maka kemudahan dan peluang² akan di-adakan dalam lapangan pelajaran, kesihatan bagi kanak² negeri ini yang sentiasa bertambah bilangan-nya; dan lagi hendak-lah di-adakan rumah² murah bagi penduduk² di-bandar dan luar bandar dan seterusnya hendak mengadakan kemudahan² yang di-fikirkan berpatutan bagi penduduk² negeri ini baik di-luar dan juga di-dalam bandar.

Bagi menchapai tujuan² yang di-sebutkan ini Kerajaan memikirkan ia-itu kita akan kena berbelanja lebeh kurang \$5,050 juta dalam lima tahun yang akan datang. Ini menunjukkan tambahan sa-banyak dua per tiga lebeh daripada perbelanjaan yang di-keluarkan dari Rancangan Lima Tahun yang Pertama. Daripada wang sa-banyak ini \$2,150 juta akan di-belanjakan oleh Kerajaan Negeri dan \$2,100 juta itu akan di-belanjakan oleh orang² persendirian atau private enterprise daripada negeri ini atau daripada luar negeri. Dengan pengeluaran wang ini saya perchaya Ahli² Yang Berhormat dapat memahamkan bahawa wang yang akan di-belanjakan bagi Kerajaan dalam tahun 1961 sa-hingga 1965 itu ia-lah dua kali ganda daripada wang yang telah di-belanjakan daripada tahun 1956 dan yang akan di-belanjakan oleh orang² 'am lebeh kurang 20 peratus daripada masa menjalankan Rancangan Lima Tahun yang Pertama. Oleh itu dengan belanja wang yang di-sebutkan itu kita akan dapat menambahkan wang yang di-sebutkan itu kita akan dapat menambah bahagian wang perbelanjaan atau total investment di-dalam keluaran hasil negara daripada 12 peratus dalam tahun 1960 kapada 18 peratus dalam tahun 1965. Keadaan ini ada-lah sama dengan keadaan² yang di-dapati dalam negeri² yang telah pun lebeh kemajuan iktisad-nya daripada Tanah Melayu ini, dan lagi jikalau rancangan kemajuan kita ini dapat dilaksanakan dengan sempurna-nya dan Kerajaan mempunyai keyakinan yang penoh perkara ini akan dapat berjaya mengadakan peluang² bekerja kapada 340,000 orang yang berkehendakkan

pekerjaan dan kita akan dapat menambah keluaran barang² iktisad negeri kita ini dan dapat menambahkan keluasan iktisad kita dengan lebih kurang 4 peratus sa-tahun. Ini boleh-lah dibandingkan dengan tambahan isi negeri kita ia-itu 3.3 peratus sa-tahun akan tetapi kemajuan iktisad yang sa-macam ini hanya-lah boleh di-chapai jika harga getah yang tetap tidak kurang daripada harga yang di-bawa pada tahun 1960. Perkara ini ada-lah satu perkara yang payah hendak di-anggap dengan betul dan menurut keadaan pasaran getah sekarang ini dan juga perkara² lain maka di-fikirkan tidak-lah menasabah harga getah dalam lima tahun yang akan datang terus berada dalam peringkat yang di-dapati dalam tahun 1960. Oleh itu Kerajaan memikirkan lebih menasabah dalam ranchangan ini di-anggarkan harga getah itu lebih kurang 80 sen sa-paun hitong panjang hingga tahun 1965. Jikalau anggaran harga getah ini di-dapati benar dan tepat, maka keluaran hasil dan barang² dalam masa lima tahun yang akan datang ini akan bertambah lebih kurang 14 peratus. Perkara ini tidak-lah benar yang boleh di-katakan mengurangkan iktisad negeri ini atau pun merendahkan taraf hidup ra'ayat negeri ini. Pada fikiran saya anggaran yang di-buat oleh Kerajaan ini menasabah dengan sebab Kerajaan berchadang hendak mengeluarkan perbelanjaan bagi melaksanakan ranchangan ini daripada wang simpanan negara dan juga daripada wang pinjaman dari luar negeri yang ada sekarang ini dan di-chadangkan juga hendak menambah sedikit pinjaman daripada luar negeri. Berkenaan dengan chara² Kerajaan akan mengeluarkan wang bagi melaksanakan ranchangan kemajuan lima tahun ini ada-lah di-terangkan dengan jelas-nya di-dalam Kertas Meshuarat ini dan saya fikir tidak payah saya lanjutkan perkara ini lagi dan saya per-chaya rakan saya Menteri Kewangan sedia sahaja untuk memberi penerangan yang lebih lanjut jika di-kehendaki oleh Dewan ini.

Satu lagi perkara yang mustahak dalam Ranchangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua ini ia-lah berkenaan dengan peruntukan wang bagi bahagian iktisad, bahagian kemajuan

masharakat dan juga bahagian² yang lain. Dalam hal ini hendak-lah di-ingati dua perkara yang sangat penting dan dua perkara ini-lah yang mendorong Kerajaan bagi menumpukan bahawa peruntukan wang dalam bahagian² dua ini ada-lah penting. Yang pertama-nya mustahak-lah kita memberi keutamaan yang tinggi kepada pekerjaan² atau ranchangan² yang boleh menambahkan wang negeri kita, yang boleh menggalakkan keluaran barang² lebih banyak dan yang boleh membesar dan meluaskan iktisad negeri ini. Jikalau di-buat bagini maka barang² keluaran akan bertambah dalam masa lima tahun yang akan datang dan juga kemudian daripada itu dan ini akan menambahkan pendapatan kebangsaan kita atau national income dan dengan ini akan menambahkan kemajuan iktisad negeri kita.

Sa-balek-nya pula sa-bagai satu negara yang muda, yang baharu merdeka dan menchapai kemajuan, maka mustahak-lah juga kita melaksanakan ranchangan² untok kemajuan masharakat atau social services dan membaiki dan memajukan tuboh badan dan peribadi bangsa kita supaya menjadi satu bangsa yang berpelajaran dan sehat. Oleh itu dalam ranchangan kemajuan yang besar saperti ini mustahak-lah kita untokkan bahagian wang yang menasabah dan tepat diantara bahagian iktisad dan bahagian masharakat Kerajaan telah menimbang-kan perkara ini dengan sa-halus²-nya dan saya shorkan kepada Dewan ini bahawa chadangan² yang di-kemukakan oleh Kerajaan itu ia-lah yang sa-baik²-nya dan yang sa-benar²-nya menasabah, ia-itu 71 peratus di-untokkan kepada bahagian iktisad atau economic sector, 24.5 peratus kepada bahagian masharakat atau social sector dan 4.5 peratus kepada bahagian Kerajaan atau Government sector. Dengan mengutamakan kepada bahagian iktisad dapat-lah kita menambahkan keluaran hasil dan dapat pula mengeluarkan pendapatan wang negeri ini bagi membayarkan perbelanjaan untok perkhidmatan masharakat saperti pelajaran, kesihatan dan sa-bagai-nya. Perkhidmatan² masharakat ini

ada-lah mustahak, akan tetapi kita akan menghadapi kesukaran dan akan menempoh bahaya besar dalam kedudukan kewangan kita jikalau kita melebuhkan kemajuan masyarakat daripada kemajuan iktisad. Oleh itu bagi beberapa tahun yang akan datang mustahak-lah kita lebih mengutamakan peruntukan wang bagi kemajuan tanah dan ranchangan² tanaman, sa-bagai menanam getah samula, mengadakan kuasa² perusahaan, jalan raya dan sa-bagai-nya. Tiap² negeri yang baharu mencapai kemajuan dan berkehendakkan kemajuan yang lebih lagi mustahak-lah mengutamakan perkara² yang tersebut. Peruntukan yang di-tentukan dalam ranchangan ini ada-lah menurut peruntukan wang yang di-perbuat di-antara bahagian² iktisad dengan masyarakat dan lain²-nya oleh Kerajaan² Negeri yang lain yang sedang menjalankan kemajuan seperti India, Pakistan dan Ceylon. Negeri² ini menguntukkan lebih kurang 70 dan 80 peratus kepada bahagian iktisad dan 23 peratus atau kurang kepada bahagian masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ahli² Yang Berhormat faham bahawa Ranchangan Kemajuan Lima Tahun yang Kedua ini ia-lah sa-mata² ranchangan sahaja, dan boleh di-semak, di-pinda dan di-perbaiki dari satu masa ka-satu masa, jika di-fikirkan mustahak. Dan lagi mustahak juga kita ingat bahawa ranchangan ini hanya untuk masa 5 tahun yang akan datang sahaja, dan akan ada banyak lagi ranchangan² 5 tahun pada masa yang akan datang. Oleh itu tidak-lah dapat semua sa-kali ranchangan² yang akan di-jalankan pada masa yang akan datang itu di-masukkan dalam ranchangan ini, dan saya suka memberi tahu Dewan ini bahawa chadangan² yang telah di-terima daripada Kementerian², Kerajaan² Negeri dan juga badan² Kerajaan yang lain ada-lah berjumlah lebih daripada \$3,000 juta akan tetapi mustahak ranchangan² itu di-semak dengan halus dan hanya di-masukkan dalam ranchangan² ini dan perkara² yang di-fikirkan menasabah yang boleh di-jalankan menurut keadaan wang

negara yang ada pada masa ini dan yang boleh di-jalankan dalam masa 5 tahun yang akan datang. Sungguh pun Kerajaan berazam hendak menjalankan kemajuan dan sedia hendak mengadakan ranchangan² yang berani dan mempunyai chita² yang tinggi, akan tetapi mustahak-lah Kerajaan mengadakan satu ranchangan yang menasabah yang di-fikirkan boleh di-laksanakan dengan sempurna. Oleh itu mustahak-lah kita menumpukan tenaga kita kepada ranchangan² yang di-fikirkan menasabah, mustahak dan boleh di-jayakan dalam masa 5 tahun yang akan datang, jika keadaan kedudukan wang negeri kita ini berada seperti sekarang ini. Saya suka terangkan juga bahawa menyediakan ranchangan² kemajuan ini ada-lah satu pekerjaan yang berterusan sa-tiap masa dan ranchangan yang ada di-hadapan Dewan ini ia-lah sa-bagai satu rangka kemajuan, bukan-lah satu asas yang tetap. Pekerjaan menyediakan ranchangan² tidak-lah terhenti dengan ada-nya Ranchangan Kemajuan Lima Tahun yang Kedua ini akan tetapi mustahak-lah kita sa-tiap masa menyemak, memperhati akan perkara² ini jika ada memperhati akan perara² ini jika ada apa² juga kesulitan atau jika ada kekurangan wang atau pun kekurangan salah satu perkara lain yang tidak kita sangkai. Jadi oleh sebab itu asalkan kita berdasarkan kepada keutamaan² dalam ranchangan ini dan juga tujuan² ranchangan ini Kerajaan berharap ranchangan ini dapat di-semak daripada satu masa ka-satu masa jika di-kehendaki dan tiap² tahun Kerajaan akan membentangkan di-hadapan Dewan ini Perbelanjaan Kemajuan atau Development Estimates bagi persetujuan Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-telah saya terangkan kepada Dewan ini tujuan ranchangan ini dan juga chara²-nya ranchangan ini telah di-sediakan, saya tidak hendak menerangkan dengan lanjut satu persatu ranchangan² yang ada dalam Ranchangan Kemajuan Lima Tahun yang Kedua ini. Perkara² itu ada-lah di-terangkan dalam Bab 3 dalam Kertas Meshuarat ini dan rakan² saya daripada pehak Kerajaan boleh memberi keterangan² dengan lanjut lagi berkenaan dengan peruntukan wang

di-Kementerian masing² jika di-kehendaki. Akan tetapi ada satu sahaja perkara yang saya suka sebutkan ia-itu berkenaan dengan peruntukan wang bagi kemajuan masyarakat, pelajaran, iktisad dan juga perumahan. Perkara² ini mustahak sangat di-kehendaki, akan tetapi, sa-bagaimana yang saya telah terangkan tadi, perkara² ini wang-nya terpaksa-lah di-bayar daripada hasil negeri. Sebab banyak daripada perkara² ini berkehendakkan peruntukan wang daripada sa-tahun ka-satahun atau recurrent expenditure dan recurrent expenditure hendak-lah di-bayar daripada hasil negeri. Oleh itu dalam menentukan berapa banyak-nya perkara² yang kita boleh jalankan, hendak-lah kita bergantung kepada banyak-nya perbelanjaan tiap² tahun yang kita mampu mengadakan dan perbelanjaan itu tidak lebeh daripada hasil negeri dan jikalau lebeh maka kita akan mempunyai budget yang perbelanjaan-nya lebeh daripada peruntukan wang atau deficit budget. Oleh itu melainkan jika dapat kita mengadakan wang dari hasil negeri yang lebeh lagi ranchangan² kemajuan masyarakat hendak-lah di-tetapkan seperti yang ada dalam ranchangan ini pada tahun 1961 hingga 1965.

Sungguh pun demikian Kerajaan telah bersetuju bahawa shor daripada Jawatan-Kuasa yang menyemak samula dasar Pelajaran, 1956, itu patut-lah di-jalankan dengan beransor², ia-itu daripada tahun 1962 akan di-adakan darjah² lanjutan 2 tahun lama-nya bagi murid² yang telah lulus sekolah rendah yang tidak dapat masuk sekolah menengah. Ini ada-lah satu ranchangan yang besar dan satu kejayaan yang besar. Apabila kita dapat wang yang lebeh lagi dan pengalaman yang lebeh lagi dalam menjalankan perkara² ini harus-lah kita boleh membesar dan meluaskan lagi ranchangan ini. Begitu juga berkenaan dengan kedudukan ranchangan perubatan dan kesihatan. Rakan saya Yang Berhormat Menteri Kesihatan suka berkehendakkan ranchangan yang lebeh besar dan lebeh banyak lagi dalam masa 5 tahun kahadapan akan tetapi ia terpaksa menyemak ranchangan²-nya supaya hanya-lah ranchangan² yang boleh di-jalankan menurut kedudukan wang

negeri ini sahaja yang di-masokkan ka-dalam ranchangan Kemajuan Lima Tahun ini. Dan begitu juga berkenaan dengan ranchangan masyarakat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab wang yang di-untukkan bagi perbelanjaan dalam Ranchangan Lima Tahun yang Kedua ini lebeh dua kali ganda daripada wang yang di-untukkan dalam Ranchangan Kemajuan Lima Tahun yang Pertama. Barangkali ada juga orang² berpendapat bahawa ranchangan² ini tidak dapat di-jalankan dengan sempurna. Saya suka menegaskan kepada Dewan ini bahawa ranchangan² ini boleh dan dapat di-jalankan akan tetapi berkehendakkan tenaga dan pengorbanan dan perkhidmatan penoh daripada pegawai² Kerajaan dan juga daripada ra'ayat jelata seluroh-nya.

Dalam bahagian yang pertama kertas meshuarat ini telah di-terangkan kemajuan² dan kejayaan² yang telah di-dapati dalam Ranchangan Lima Tahun yang telah lalu. Dan seperti saya katakan tadi, sungguh pun kejayaan² itu banyak tetapi sa-tengah² lapangan belum lagi memberi puas hati. Maka menjadi-lah kewajipan bagi kita lagi menambah tenaga kita bagi menjalankan kehendak² ra'ayat dan mustahak-lah kedudukan² dan keadaan di-luar bandar dan di-kawasan bandar itu dapat di-kurangkan. Ini-lah dia dugaan yang besar yang ada dihadapan kita. Pihak Kerajaan sedia menghadapi dugaan ini dengan keazaman yang penoh. Oleh itu, saya sa-kali lagi berseru kepada Ahli² Yang Berhormat dan juga kepada ra'ayat negeri seluroh-nya, tolong-lah memberi sokongan kepada Kerajaan melaksanakan ranchangan ini. Rakan saya, Menteri² sekalian telah berazam hendak melaksanakan ranchangan ini dengan sa-penoh²-nya dan begitu juga pegawai² Kerajaan, ketua² Pejabat di-Federal dan di-peringkat negeri telah juga menunjukkon keazaman mereka itu.

Tidak dapat tiada ada beberapa masalaah yang kita akan hadapi seperti kekurangan kaki tangan technical dan kekurangan jentera. Akan tetapi saya

telah menasehatkan bahawa kaki tangan Pejabat Technical akan bertanggung jawab bagi menjalankan rancangan kemajuan ini, telah di-fikirkan menchukupi pada dua, tiga tahun yang akan datang. Dan lagi bagi menambah kekuatan ini jika di-dapati tidak menchukupi, Kerajaan berchadang hendak menggunakan lebih banyak lagi Consulting Engineers dari dalam atau dari luar negeri bagi membuat plan² yang besar yang berkehendakkan kepandaian yang istimewa di-atas specialist. Dan lagi Kerajaan berchadang hendak menimbangkan pertolongan kepada contractor² bagi meluaskan masa pekerjaan-nya dalam perkara², perkakas² dan jentera² supaya dapat mereka itu menjalankan pekerjaan dengan lebih banyak dan lebih luas lagi.

Satu daripada perkara yang mustahak bagi memajukan rancangan² ini dengan lchin dan sempurna, ia-lah kerjasama dan anjoran pekerjaan yang sempurna di-antara pejabat² Kerajaan dan pejabat² badan² Kerajaan bagi semua peringkat. Di-atas hal ini, saya sangat sukachita memberi tahu Dewan ini dengan perasaan bangga bahawa semenjak di-tubuhkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar maka Kementerian ini telah-lah berjaya menyediakan tenaga² Kerajaan baik daripada peringkat Federal dan juga negeri dalam hal menyediakan dan juga menjalankan Rancangan Pembangunan Luar Bandar. Rancangan² Pembangunan Luar Bandar telah lebih daripada sa-paroh atau 50 peratus rancangan² kemajuan 5 tahun.

Saya suka memberi akuan kepada Dewan ini bahawa rakan saya, Menteri² semua-nya akan bersungguh² menguatkan lagi kerjasama dan juga atoran bekerja yang ada sekarang ini di-antara pejabat² Kerajaan bagi menjalankan rancangan kemajuan ini dan wang² itu di-belanjakan dengan terator dan bijaksana. Langkah² yang berpatutan akan di-ambil juga bagi menyediakan jentera pentadbiran supaya dapat pekerjaan itu di-jalankan dengan sempurna dengan rancangan melaksanakannya dengan memberi puas hati.

Pejabat Economic Secretariat akan di-perkuatkan dan di-chadangkan

hendak di-adakan satu Economic Planning Unit yang akan bertanggung jawab mengator dan menyemak Rancangan² Kemajuan Kebangsaan kita dari satu masa ka-satu masa. Dan juga menyemak akan hasil² kemajuan yang di-dapati daripada kejayaan dari rancangan² itu. Di-chadangkan juga di-adakan satu pasokan daripada pegawai kanan Kerajaan yang bertanggung jawab di-atas hal kemajuan ini bagi memperhatikan rancangan² ini dan memperhatikan juga akan apa juga kesukaran² dan juga kesulitan² yang akan di-dapati bagi melaksanakan tujuan² dalam rancangan kemajuan ini. Di-chadangkan juga akan di-adakan satu Bilek Pergerakan atau Development Operation Room dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Dan dalam bilek ini akan di-chatit dari sa-hari ka-sahari kemajuan² yang di-dapati dalam semua sa-kali rancangan² yang di-jalankan di-seluruh Tanah Melayu ini. Dan dengan adanya Bilek Pergerakan ini, dapat-lah Kerajaan menjaga nadi kemajuan di-tiap² tempat dalam Tanah Melayu ini. Dengan itu dapat-lah kita mengetahui dengan sepintas lalu ada-kah kemajuan yang di-dapati itu memuaskan hati.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi chara²-nya melaksanakan rancangan ini. Chadangan Kerajaan ia-lah pada tiap² tahun akan dibentangkan dalam Dewan ini rancangan² yang akan di-jalankan bagi tahun itu atau pun Development Estimates tahun itu. Maka berpeluanglah kepada Ahli² Yang Berhormat untok memuaskan hati sama ada rancangan² yang di-kemukakan itu menasabah atau berpatutan atau sesuai dengan tujuan² yang di-tentukan oleh Rancangan Kerajaan Kemajuan Lima Tahun-nya. Oleh sebab itu pada kali ini hanya-lah di-kehendaki Dewan ini mempersetujui tujuan² dan keutamaan dan juga rancangan² yang di-chadangkan dalam kertas meshuarat ini, dan Dewan ini tidak di-kehendaki mempersetujuan peruntukan perbelanjaan bagi tiap² satu rancangan. Perkara ini akan di-bentangkan di-Majlis ini dari satu masa ka-satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, sa-belum saya menamatkan ucapan saya, saya suka memberi peluang ini bagi pihak Kerajaan dan juga penduduk² Persekutuan Tanah Melayu, menguchapkan sa-tinggi² terima kasih kepada negeri² yang bersahabat dengan kita seperti negeri Amerika Sharikat, United Kingdom, Canada, Australia, New Zealand dan beberapa negeri yang lain termasuk juga-lah badan Bangsa² Bersatu dan pertubohan² di-bawah-nya kerana pertolongan yang telah di-beri kepada kita dalam lapangan technical dan juga pertolongan wang bagi menjalankan ranchangan² pada masa yang telah lalu. Saya harap pada masa akan datang kita akan dapat menerima bantuan yang seperti ini juga. Bagi pihak kita juga, kita akan memberi pertolongan kepada negeri² yang lain dengan apa chara yang kita boleh melalui badan² Bangsa² Bersatu dan juga melalui Colombo Plan atau badan² International yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah terangkan Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini, ia-lah satu ranchangan yang tinggi mutalalamat-nya dan satu ranchangan yang berat akan tetapi ranchangan² yang mustahak, ranchangan² yang boleh dan patut di-jalankan kerana kemajuan iktisad negara kita. Dengan apa chara pun, mustahak-lah kita jayakan ranchangan ini, jikalau kita hendak mengadakan satu batu-asas iktisad yang tetap dan tegoh bagi penduduk negeri ini terutama sa-kali bagi penduduk² di-luar bandar supaya mereka itu mempunyai taraf hidup yang lebeh tinggi dan lebeh sempurna, ini-lah chita² dan keazaman kita. Akan tetapi bagi melaksanakan chita² dan keazaman ini, kita mustahak berkorban. Tidak ada jalan lain bagi kita untuk mempunyai negara yang aman dan ma'amor dan mempunyai iktisad yang tegap, melainkan hendak-lah kita bekerja dengan kuat, bekerja dengan lebeh kuat lagi. Tiap² orang di-negeri ini harus-lah berkorban dan bertenaga dengan sedaya upaya. Dan lagi mustahak juga kita berjimat cher-mat dan mengurangkan perbelanjaan yang membazir, ini-lah dia-nya harga yang kita mesti bayar kerana kemajuan dan keamanan bangsa dan negera kita (*Tepok*). Ini-lah dia dugaan kita dalam lapangan kemajuan ini. Akan tetapi

jika kita berjaya menghadapi dugaan ini dan berjaya melaksanakan ranchangan² kemajuan ini dengan sa-penoh²-nya maka saya yakin dan per-chaya, dengan izin Allah subhanahu Wata'ala, kita akan dapat mendirikan satu rangka atau satu badan iktisad yang tegoh dan kuat yang boleh memberi kapada kita dan keturunan kita satu kedudukan yang di-mulia dan satu taraf hidup yang sempurna dalam negara yang merdeka dan ber-daulat ini. (*Tepok*).

The Minister of Finance (Enche' Tan Siew Sin): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul ini.

Dr. Burhanuddin bin Mohamed Noor (Besut): Tuan Yang di-Pertua, di-hadapan kita ada Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua. Kita telah mendengar penerangan² daripada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang berma'ana kita telah melalui Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama. Kalau kita meninjau kapada perjalanan Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama itu ada-lah mempunyai ranchangan² yang indah, ranchangan² yang elok dan ranchangan² yang telah pun di-banggakan bagaimana yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat itu tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sa-sunggoh-nya Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama ini jikalau-lah kita pandang ada-lah satu ranchangan yang boleh-lah di-harapkan dapat di-jalankan dengan betul-nya tetapi puncha² yang telah di-sebutkan oleh Yang Berhormat tadi ia-lah daripada dua puncha yang menghalangkan, yang pertama oleh sebab Dzarurat dan yang kedua oleh sebab kekurangan wang atau kejatohan pasaran pada masa itu. Bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, perjalanan kemajuan ranchangan itu berjalan-nya di-sabelah atas atau di-sabelah gulongan capitalist benar ada kemajuan² yang kita nampak yang merupakan keuntongan kapada capitalist. Dalam pihak² ra'ayat saya rasa amat-lah sadikit-nya dan banyak benar lagi yang sangat merasakan kechewa dengan Ranchangan Lima Tahun yang telah lalu itu.

Sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, kita merasakan kapada ra'ayat Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua pula.

Sudah nyata-lah bahawa kita ra'ayat seluruh-nya menunggu² ranchangan yang baik dan ranchangan ini ada-lah sambongan daripada Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama yang telah ditambah beberapa keadaan lagi bagaimana yang telah di-terangkan itu. Saya hendak mengingatkan dalam ranchangan ini supaya jangan-lah berlaku lagi sa-bagaimana keadaan dalam menjalankan Ranchangan² Lima Tahun Yang Pertama dahulu itu. Sebab-nya saya pandang kemerusotan di-dalam Ranchangan Luar Bandar, pada hal itu-lah perkara yang sangat² di-perlukan oleh ra'ayat negeri ini kerana di-dalam ranchangan² itu ketara benar tidak ada satu expert atau ahli yang mahir yang dapat mengotor satu² kerja di-satu² tempat itu. Jadi dalam Ranchangan yang Kedua ini perkara ini hendak-lah di-ator dengan sa-baik²-nya.

Dalam perkara kehendak bekerja sama dan kesungguhan ra'ayat saya rasa sa-sungguh-nya ra'ayat memang sunggoh² berkehendakkan bantuan dan sunggoh² berkehendakkan perubahan nasib. Kalau-lah kita pandangan mithalan-nya kepada orang² kampung yang kehidupan-nya sentiasa susah manakala mereka telah mengadukan nasib hidup-nya mereka datang-lah ka-pekakan menchari kerja dudok di-sana beberapa hari tidak dapat kerja balek ka-kampung. Jadi dengan menengokkan keadaan bagaimana yang ada jadual-nya di-hadapan kita ini kira² berapa puloh orang sahaja dalam sa-sabuah negeri yang dapat tanah yang dikatakan kejayaan yang besar dalam replanting itu. Jadi di-sini kesungguhan ra'ayat berkehendakkan di-dalam replanting ini saya rasa di-seluruh negeri banyak benar usaha dalam perkara ini, tetapi macham² rintangan, macham² halangan dan sharat² yang menghalang kepada ra'ayat. Kejayaan ini ada-lah mungkin kejayaan yang besar bagi pehak² estate² tetapi bukan-lah kejayaan itu dapat kita banggakan atau jauh daripada memuaskan bagi pehak ra'ayat. Jadi ini-lah perkara yang mustahak di-perhatikan benar kerana sendi ekonomi negeri ini sa-bahagian yang besar-nya hendak-lah di-bentok dalam penanaman sa-mula. Jadi saya tidak hendak berchakap banyak lagi sebab ranchangan ini pada pokok-nya

saya sokong dan pada dasar-nya pun Yang Berhormat telah menyatakan akan di-kaji dan di-baiki dari sa-tahun ka-satahun, maka akan dapat-lah kita meninjau pada tahun yang pertama berjalan-nya nanti sebab perkara ini pada dasar-nya kita membahathkan pada Ranchangan Lima Tahun ini patut-lah kita terima. Ranchangan yang pertama itu hendak-nya menjadi pelajaran-lah kepada kita dan dapat membawa perubahan yang lebeh baik lagi pada Ranchangan Lima Tahun yang akan datang nanti.

Enche' Hussein bin To' Muda (Raub): Tuan Yang di-Pertua, usul yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi saya menyokong dengan penoh kegumbiraan kerana ranchangan pembangunan negara akan di-selenggarakan dengan chepat-nya. Dalam Surat Titah nombor 3 tahun 1961 saya mengambil keperchayaan penoh kepada paragraph 90 hingga 122. Di-sini rasa saya ini-lah satu ranchangan yang sa-baik²-nya untuk membaiki taraf hidup ra'ayat jelata, seluruh ra'ayat jelata menumpukan perhatian yang istimewa terhadap ranchangan yang tersebut. Mereka menadah tangan dan memandang pada hari yang berbahgia akan datang. Tetapi di-sini saya suka menarek perhatian kepada Kementerian ini, sa-harus-nya jangan-lah kita melupakan satu puak yang sangat² mustahak dan berhak untuk mendapat jaminan yang akan datang. Puak ini ia-lah satu puak yang menjadi alat negara yang mustahak umpama minyak petrol kepada sa-buah motokar. Puak ini ada-lah kaki-tangan Kerajaan yang bertugas dengan Kerajaan dalam berbagai² jurusan. Kalau-lah kita dapat menjelma ke-dalam hati puak ini tentu sekali kita dapat mendengar kelohan dan rintehan yang sedeh. Saya sebagai bekas kaki-tangan Kerajaan Bahagian III telah mengalami sendiri dan memerhatikan apa yang telah di-alami oleh rakan² yang lain yang sama dengan kedudukan, mithal-nya yang selalu kita dapati sa-orang kaki-tangan Kerajaan dalam Bahagian III umpama-nya jawatan kerani; masa ia berkhidmat dengan Kerajaan pendapatan-nya

lebih kurang di-antara \$250-\$400. Apabila mereka bersara, barangkali tujuh atau lapan ribu ringgit mereka menerima sagu hati. Maka dengan sagu hati ini-lah mereka akan membeli tanah dengan tidak berapa luas dan akan mendirikan rumah—habis duit itu. Dia akan menerima saraan bulan² di-antara \$100-\$200 lebih kurang. Hal ini sangat-lah menyedehkan, kerana mereka sekalian maseh ada mempunyai anak² di-dalam persekolahan yang wajib mereka itu belanjakan. Jadi jaminan untuk masa mereka duduk dalam persaraan itu tidak-lah berapa chukop. Sa-harusnya kita mengambil perhatian yang berat di-atas kedudukan kaki-tangan Kerajaan dalam Bahagian III ka-bawah itu.

Saya tidak hendak meminta dengan memberi pandangan yang lebih banyak terhadap faedah mereka itu. Pandangan saya hanya-lah satu jaminan yang dapat di-selenggarakan beransor² dengan sokongan penoh dan bimbingan yang penoh daripada pehak Kerajaan yang akan bertanggung jawab di-atas nasib ra'ayat jelata dengan kemudahan untuk memileki tanah dan untuk pertolongan serta menjayakan-nya maka harus-lah di-timbangkan dengan apa chara yang sesuai ka-atas mereka dan di-samping itu pula satu kawalan yang ketat hendak-lah di-kenakan kapada mereka itu supaya jangan mereka lalai daripada menjalankan tugas-nya sa-bagai pegawai Kerajaan. Tetapi, kesempatan yang sama dengan ra'ayat yang lain tentu-lah di-beri juga supaya kalau sakira-nya di-buat perkara ini saya yakin minyak petrol kita akan menjadi lebih baik lagi untuk menjalankan jentera pentadbiran negeri kita ini.

Bila Kerajaan menimbangkan pehak² tersebut jangan-lah di-bandingkan dengan pegawai yang bertugas dalam Bahagian I atau II kerana mereka itu mempunyai pendapatan yang boleh di-katakan bak kata orang zaman sekarang "lumayan" juga. Biasa-nya mereka ini memang chukop untuk pekerjaan sara hidup-nya—gratuity yang di-terima dan saraan itu besar juga. Di-sini saya suka juga

menarek perhatian terhadap kaki-tangan Kerajaan dalam Bahagian IV dan juga mereka yang bergaji hari. Keistimewaan yang khas ada-lah mustahak di-timbangkan dan hak² sa-bagai sa-orang manusia, sa-bagai sa-orang warga negara mesti-lah di-beri kesempatan yang di-amalkan untuk menentukan nasib mereka pada masa hadapan.

Lain tiada apa² yang hendak saya ucapkan di-sini, dan saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kapada Kerajaan yang telah membuat satu Rancangan Lima Tahun Yang Kedua yang sesuai dan yang baik sa-kali untuk faedah ra'ayat jelata di-negara kita ini.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Dato' Yang di-Pertua, saya bangun menyokong sepenoh-nya chadangan yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkenaan dengan rancangan lima tahun yang akan datang ini. Di-samping itu saya mengambil peluang mengucapkan setinggi² tahniah kapada Kementerian ini yang telah bersusah payah menyambungkan rancangan ini yang telah beberapa lama di-buat-nya itu. Di-sini dapat-lah kita fahamkan bahawa Kerajaan kita ini ia-lah bertujuan memboktikan janji-nya yang tertulis dalam manifesto kita untuk membuat satu rancangan yang akan memberi faedah kapada ra'ayat jelata. Sa-bagaimana pesanan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu patut-lah sekalian Wakil² Ra'ayat khas-nya dan ra'ayat jelata am-nya memberi sokongan yang penoh untuk menghasilkan rancangan ini.

Sa-bagai dalil yang nyata ada-lah di-waktu hujung tahun 1960 ini telah di-beri wang peruntukan pendahuluan kapada tiap² daerah. Daerah saya sendiri menerima sa-banyak \$50,000 lebih kurang. Maka dengan wang ini kami telah gunakan dengan chara membuat rancangan yang kechil² dan dalam kawasan yang telah menerima peruntukan jumlah ini nampak-nya berhasil benar, kerana banyak daripada penduduk² kampong telah sedar bahawa dengan ada-nya rancangan

pendahuluan ini mereka telah menerima sedikit sa-banyak nikmat daripada ranchangan lima tahun yang akan datang dan sa-terus-nya.

Di-sini saya ingin mengemukakan fikiran saya ia-itu wang yang kita akan belanjakan itu sa-banyak \$2,159 juta agak-nya dan mesti-lah perbelanjaan ini di-awasi dengan sa-benar²-nya supaya bukan sahaja sa-lepas ranchangan itu di-siapkan baharu-lah dapat kemudahan atau nikmat kepada ra'ayat, bahkan waktu ranchangan itu di-laksanakan, di-samping itu ra'ayat tempatan patut-lah di-beri keutamaan untuk menjadi pekerja² bagi mendapatkan upah daripada peruntukan Wang yang banyak itu. Maka dari sini sebelum hasil ranchangan atau selesainya ranchangan itu sambil kita melaksanakan, faedah itu terdapat kepada penduduk² di-kampung daripada pengupah² yang kita akan keluarkan untuk membuat tali ayer, untuk membuat jambatan, titi dan kerja² yang kecil itu. Dengan ini dapat-lah kita mengawasi orang² yang capitalist umpama-nya menggunakan jalan² atau pun segala perkara untuk mengawal wang² ini daripada dapat ka-tangan mereka itu.

Yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, saya menegaskan bahawa Yang Berhormat Menteri patut memandang berat waktu melaksanakan ranchangan ini dan memberi keutamaan kepada ranchangan² yang akan mendapat faedah yang chepat. Saperti mengeluarkan wang untuk membuat jalan, memberi bekalan ayer dan letrik, pada pendapat saya perkara ini tidak begitu mustahak kepada orang² kampung dan mata pencharian-nya tidak akan terjamin. Jadi perkara² yang akan melebuhkan mata pencharian orang kampung itu-lah yang mesti di-utamakan dahulu, kemudian baharu-lah di-beri kemudahan saperti jalan raya, bekalan ayer dan letrik. Mithalnya, di-kawasan saya ada tanah sawah sa-luas 22,000 ekar yang mana pada tahun yang lalu kami dapat menanam dua kali sa-tahun sa-banyak 10,000 ekar, dan dalam ranchangan lima tahun kedua kami telah membuat peruntukan hendak membuat saluran ayer sa-jauh 35 batu untuk memberi bekalan ayer

kapada sawah yang maseh belum mendapat ayer lagi. Oleh itu, saya berharap kepada Menteri yang berkenaan supaya memberi keutamaan wang untok saluran ayer ini terlebih dahulu. Manakala kita dapat selesaikan membuat saluran ayer itu, dalam tahun ini kita akan dapat membuat bendang dua kali sa-tahun yang mana dengan jalan ini maka bertambah-lah pendapatan penduduk atau pesawah sa-kali ganda lagi dan bagitu juga lain² ranchangan. Saya harap wang peruntukan di-perhatikan supaya di-tujukan kepada ranchangan² yang akan menambahkan pendapatan ra'ayat dahulu sa-belum di-beri kemudahan² yang lain.

Sa-perkara lagi yang saya ingin berchakap ia-lah berkenaan dengan perusahaan kampung. Perusahaan kampung ini di-harap dan di-tugaskan kepada RIDA untuk menjalankan-nya, dan oleh kerana pegawai RIDA, kekurangan pekerjaan ini tidak dapat di-jalankan dengan sempurna. Di-kawasan saya sendiri banyak perusahaan kampung yang lemah yang tidak berjalan dengan sempurna, kerana pegawai RIDA ini sebok menjalankan urusan yang lain. Oleh yang demikian, saya mengeshorkan supaya Kementerian ini memberi peruntukan wang yang khas sa-banyak \$50,000 bagi tiap² daerah, dan wang itu di-beri kepada Jawatan-Kuasa daerah itu sendiri untok menyelenggarakan ranchangan² yang kecil dan perusahaan² yang kecil saperti membuat tali sabut, buat rokok daun, buat periok dan lain². Jadi Jawatan-Kuasa ini-lah yang bertanggung jawab tentang wang ini sama ada memberi pinjam atau membuat ranchangan untok menghasilkan perusahaan kampung yang kecil² itu. Saya perchaya dengan chara ini saperti ranchangan penunjuk atau pilot scheme maka banyak-lah orang kampung akan tertarik hati dan mereka itu boleh-lah mengambil peluang mengadakan ranchangan chara bersendirian atau chara sharikat bekerjasama.

Yang kelima, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berchakap berkenaan dengan kepentingan peladang dan pesawah yang mana banyak di-antara mereka ini terancham dan teraniaya sekarang

ini di-tempat saya khas-nya, kerana ladang² itu di-kerjakan dengan jentera (tractor). Kebanyakan hartawan yang mempunyai tanah daripada 10 hingga 50 ekar, Tuan Yang di-Pertua, dahulu-nya sawah mereka itu di-sewakan, 2 relong kepada satu family, tetapi sekarang ini oleh sebab sudah ada jentera untuk membuat sawah itu dengan lebeh chepat siap-nya, maka orang hartawan sekarang ini membuka mata merampas balek tanah yang di-sewakan kepada peladang yang mengharapkan kepada apa yang di-beri kepada mereka itu sendiri membuat sawah sa-tahun sa-kali atau sa-tahun dua kali. Saya harap kepada Menteri yang berkenaan supaya menjaga kepentingan peladang ini dan juga puak yang lain agar jangan-lah nasib mereka ini terancam atau teraniaya.

Yang keenam, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengeluarkan fikiran saya berkenaan dengan ekonomi negeri kita ini. Kita ada mengeluarkan getah, bijeh dan sekarang ini pula bijeh besi yang banyak di-hantar ka-luar negeri. Pada fikiran saya kalau kita tidak ikhtiarkan untuk menjadikan bahan² mentah kita ini kepada barang² penggunaan untuk kita sendiri dan expotkan barang² itu, sa-kira-nya tidak di-buat bagitu kalau ada satu anchaman daripada pehak kapitalis, kita akan teraniaya pada kemudian hari. Saya harap adakan peruntokan wang khas sa-banyak \$10 juta atau \$20 juta dan di-serahkan kepada satu lembaga untuk menjalankan urusan bagi mengadakan perusahaan yang besar untuk menjadikan bahan² mentah kita itu kepada barang² yang berguna, bukan sahaja untuk kegunaan bagi negeri kita, bahkan kita hantar keluar negeri, dan pengeluaran barang² mentah kita itu ka-luar negeri kita hadkan, mithal-nya, getah, bijeh dan bijeh besi kita keluarkan hanya 50 peratus sahaja. Berkenaan dengan bijeh besi, saya hairan kenapa kita tidak boleh meleborkan-nya dalam negeri kita sendiri. Kalau kita dapat meleborkan bijeh besi itu kita akan dapat menahan kemasokan besi dari luar negeri ka-dalam negeri ini, dan saya perchaya harus dalam bijeh besi kita boleh dapat logam dan benda² yang berguna saperti urenium, emas dan benda yang lain² lagi. Saya harap

ekonomi negeri kita ini di-perhatikan, jikalau sa-kira-nya kita tidak mengawasi daripada sekarang kita harus kechiwa di-kemudian hari.

Lagi satu perkara bagi mengakhiri perchakapan saya ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa ada pun pergerakan Rancangan Pembangunan Luar Bandar ini banyak di-antara ra'ayat jelata yang merasakan chemburu ada pula yang takut rancangan ini tidak berhasil. Satu perkara yang saya suka ingatkan ia-itu ada gulongan² orang yang akan menjalankan ikhtiar sa-bagai subversive supaya rancangan² ini tidak berjaya. Oleh yang demikian, saya harap dapat perhatian daripada Menteri yang berkenaan supaya mengawasi sunggoh² kerana ada perkara² yang boleh menyekat perjalanan dengan baik-nya rancangan² ini.

Wan Yahya bin Haji Wan Mohamed (Kemaman): Tuan Yang di-Pertua, biar-lah saya menguchapkan shabash kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini. Di-dalam merangka kan segala project untuk Rancangan Lima Tahun Yang Kedua bagi mengatasi ekonomi negeri dan untuk membaiki iktisad ra'ayat negeri ini seluroh-nya. Dalam keseluruhan Rancangan Lima Tahun Yang Kedua ini, apa yang menarik perhatian saya ia-lah tentang penggalakan dan sokongan Kerajaan berhubung dengan menanam sa-mula getah di-seluruh Persekutuan ini dengan mengadakan rancangan² yang besar, dengan mengadakan peruntokan² wang yang banyak bagi memperbaiki dan menandingi getah² tiruan yang di-keluarkan oleh Amereka Sharikat. Saya tertarik perhatian kepada rancangan menanam getah ini yang telah kita jalankan dengan pesat-nya di-dalam negeri ini bagi mengatasi keadaan ekonomi negara kita di-suatu masa yang mungkin kita menghadapi pertandingan² di-antara getah² asli dengan getah² tiruan. Dan mungkin ini tidak akan mudah kita mengatasi di-satu masa, dengan sebab itu saya memikirkan bukan-lah galakan dengan menanam getah² ini sahaja tetapi juga dengan menggalakkan tanaman² yang lain daripada getah bagi menjadikan

puncha² ekonomi yang akan membolehkan ekonomi negara kita tegap.

Saya tahu, daripada kenyataan yang telah di-terbitkan oleh Kementerian Tanaman yang mengatakan kegunaan kopi di-negeri kita ini masih belum mencukupi bagi kegunaan kita sendiri ia-itu kita masih banyak memasukkan kopi² daripada luar negeri untuk kegunaan ra'ayat kita sendiri. Dan saya tidak nampak satu ranchangan yang aktif yang di-susun oleh Kerajaan kita, yang di-susun oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar kita dalam menggalakkan tanaman² yang serupa ini.

Juga, sepanjang mana yang saya tahu, tidak ada satu factory atau pun tidak ada satu perusahaan yang mengeluarkan gula di-dalam negeri ini dan kita masih menggunakan gula daripada luar negeri dan terus menerus di-masukkan ka-negeri ini untuk digunakan oleh ra'ayat. Kita mengeluarkan bahan² mentah dan kita masukkan bahan² yang sudah masak. Sungguh pun saya tidak menjadi expert di-dalam bahagian pertanian tetapi tidak-lah jauh kalau saya mengagakkan perse-suaian tanah di-negeri kita ini dengan tanaman tebu mithal-nya dan tanaman² kopi tadi, kenapa-kah Kerajaan tidak mengambil berat untuk menggalakkan tanaman² benda yang seperti ini. Pengalaman yang pahit telah kita hadapi di-waktu pendudukan Jepun di-negeri ini, kita tidak mencukupi bahan² makanan yang mustahak kepada ra'ayat tetapi apa yang kita ada pada waktu itu, ia-lah getah sa-mata². Ini ada-lah cukup bagi pengalaman bagi pembangunan ekonomi kepada ra'ayat negeri ini dan ini sudah-lah cukup untuk penyediaan kita bagi membuat persediaan di-waktu hadapan.

Soal yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhan-nya pembangunan ekonomi ini ia-lah sa-bagaimana yang di-ucapkan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri ia-itu tertumpu-lah kita kepada pembukaan tanah, erti-nya keseluruhan-nya pembangunan ekonomi kepada ra'ayat di-luar bandar negeri ini bergantung-lah kepada pembukaan tanah itu. Kalau pun kita hendak membuat sa-batang

jalan maka ranchangan tanah ada-lah perlu di-buka di-sana terlebih dahulu, baharu-lah ada erti-nya jalan itu di-buka dan ini saya mengatakan ada-lah benar sa-kali ucapan ini. Tetapi apa yang merunsingkan saya dan apa yang menyedihkan hati saya, kapada kawasan saya mithal-nya sa-bagai satu contoh, tidak ada satu project pun, Tuan Yang di-Pertua, yang boleh ra'ayat di-kawasan saya menumpang memperbaiki iktisad-nya sendiri ia-lah di-sebabkan dasar Kerajaan negeri kami berlainan dengan dasar Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Tetapi apa yang menyedihkan lagi dan menghairankan saya, wakil yang saya dengar baharu sekejap tadi Yang Berhormat dari Besut menyokong di-atas chadangan ini yang saya fahamkan sokongan itu ada-lah keseluruhan-nya sokongan di-dalam Buku Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua yang pada pokok-nya saya katakan ia-lah pembukaan tanah menjadi dasar yang pertama. Sedangkan pernah kita tahu dan pernah kita dengar, pembukaan tanah di-bawah Ranchangan F. L. D. A. mithal-nya; dan Ranchangan Group Settlement Act langsung tidak diterima oleh Kerajaan di-sana. Jadi, bagaimana-kah ranchangan pembangunan luar bandar ini boleh di-jalankan di-negeri itu. Maka tinggal-lah ra'ayat; saya tidak menghiraukan di-kawasan lain tetapi apa yang ingin saya menyampaikan hasrat ra'ayat di-kawasan saya yang telah menderita dengan dasar yang telah di-jalankan dan tidak-lah saya rasa melampau kalau saya berkata bahawa pentadbiran di-Trengganu ada-lah sa-buah Kerajaan yang tidak chekap. Ini ternampak

Enche' Zulkiflee bin Muhammad (Bachok): On a point of order.

Mr. Speaker: On a point of order?

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, Standing Orders 36 (1). Saya rasa, perkara itu tidak kena mengena.

Mr. Speaker: Berkenaan dengan pentadbiran sa-sabua negeri itu tidak menjadi satu masalah yang patut di-bahathkan di-dalam Majlis ini.

Wan Yahya bin Haji Wan Mohamed: Minta ma'af, Tuan Yang di-Pertua, tetapi apa yang telah menarek ingatan saya berhubung dengan penderitaan ra'ayat di-kawasan saya dalam menghadapi masaalah pembukaan tanah ini dan kalau ini-lah tidak di-izinkan, saya tidak-lah memasoki lebih jauh dalam masaalah ini. Biar-lah saya berchakap tidak panjang, Tuan Yang di-Pertua, dan saya minta-lah khas-nya kapada Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini agar membuat sedikit peruntukan kapada ra'ayat di-kawasan saya yang ingin hendak berpindah ka-Negeri Pahang mithal-nya akan mendapat tanah di-sana bagi menggantikan penderitaan² yang sekarang ini, yang ra'ayat di-kawasan saya tidak dapat menyati ranchangan pembukaan tanah di-bawah F.L.D.A. atau Group Settlement Act di-Negeri Trengganu.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kota Bharu Hilir): Tuan Yang di-Pertua, di-hadapan kita ia-lah satu ranchangan yang sangat penting ia-itu Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua. Sa-belum saya berchakap panjang dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini biar-lah saya mengambil peluang ini untuk mengkaji Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama. Adakah Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama itu telah berjaya atau tidak. Apa-kah sebab²-nya Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama itu tidak berjaya dan adakah sebab² itu dapat dihapuskan atau di-atasi di-dalam meranchangkan Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua.

Ada-lah Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama ia-lah ranchangan yang telah mengechewakan tujuan yang sangat² baik ia-itu hendak meninggikan taraf kehidupan anak negeri di-dalam Persekutuan Tanah Melayu kita ini. Kekechewaan Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama ia-lah di-sebabkan oleh beberapa sebab. Satu daripada-nya ada-lah Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama tidak di-susun mengikut kehendak planning sehingga National Planning Commission atau Unit pun tidak ada. Chuma sa-bagaimana yang kita baharu dengar tadi daripada Timbalan Perdana

Menteri ada-lah Planning Unit hendak di-dirikan sekarang ini walau pun bulan yang pertama daripada Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua sudah habis—sekarang ini kita sudah masuk bulan yang kedua daripada Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua, tetapi National Planning Commission belum lagi di-dirikan untuk menyusun susunan² yang mustahak supaya jangan lagi ia terkechewa sa-bagaimana terkechewa-nya Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama.

Sekarang saya akan menyebut satu persatu-nya untuk pengetahuan rumah ini ke-kechewaan² yang telah di-dapati di-dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama. Chuba kita buka muka 9 paragraph 29 di-dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama yang kita bangga-banggakan bahawa kita telah menchapai satu kejayaan yang paling besar. Di-muka ini tersebut bahawa chuma 30,000 ekar tanah sahaja yang dapat di-buka. Jika 30,000 ekar tanah ini kita bahagikan dengan 5 tahun, jatuh-lah satu tahun 6,000 ekar. Apabila kita bahagikan 6,000 ekar ini kapada 11 negeri yang ada di-Persekutuan Tanah Melayu maka nyata-lah kapada kita bahawa dalam satu negeri chuma 500 ekar lebih atau 600 ekar sahaja bagi tiap² negeri dalam sa-tahun. Ini-lah kemajuan yang di-bangga-banggakan.

The Assistant Minister of Information and Broadcasting (Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar): Sedap, sedap.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Dengar lagi. Sekarang biar-lah kita semak di-muka 7 Table yang kedua, di-sana kita lihat sakalian mata-lamat² atau sasaran² bagi ranchangan² atau projects yang telah di-tetapkan untuk di-chapai di-dalam 5 tahun daripada ranchangan yang pertama, kita lihat chuma dalam perkara roads and bridges sahaja yang telah menchapai mata-lamat yang telah di-tetapkan di-dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama. Roads and bridges di-tetapkan wang sa-banyak \$70 juta tetapi telah sudah lebih \$90 juta yang telah di-belanjakan ia-itu sampai 136 per cent daripada mata-lamat yang telah

di-tetapkan. Tetapi kalau di-lihat dalam perkara yang lain² mithal-nya D.I.D. yang di-tetapkan wang \$60 juta chuma di-jalankan sa-banyak \$38.3 juta ia-itu 64 peratus sahaja. Chuba kita lihat dalam perkara Social Services dalam perkara kesihatan atau Health. Di-sana di-peruntokkan wang sa-banyak \$50 juta chuma yang telah dapat di-jalankan sa-banyak \$12.7 juta sahaja ia-itu 25 peratus daripada mata-lamat yang telah di-tetapkan. Ini-lah setengah daripada keterangan² yang kita tidak dapat nafikan dan yang menunjokkan dengan terang-nya bahawa Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama ini telah kechewa kerana tidak ada satu badan yang menyusun ranchangan ini dari satu tingkat kepada satu tingkat, daripada tahun yang pertama kepada tahun yang kedua. Adakah perjalanan ranchangan itu sudah memuaskan hati atau tidak, sama ada kechewa atau tidak. Apa-kah sebab-nya yang mengechewakan ranchangan tadi maka di-sana-lah di-perbaikkan. Tetapi sa-bagaimana yang kita tahu sekarang ini belum lagi ada terdiri satu tuboh yang sangat² penting untuk memperbaiki, memperbetul dan menjayakan perjalanan Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini.

Di-dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama tidak ada sedikit pun Kerajaan mengambil berat di-atas buroh² yang susah di-kampung², tidak sedikit pun membuat ranchangan untuk memperbaiki kedudokan buroh² yang dudok di-kampung² itu, chuma Kerajaan mengambil berat di-atas buroh² yang dudok di-pekan² sahaja. Di-muka 2 paragraph 7 kata-nya, "The total labour force increased by about 300-310 thousand but no comprehension survey of employment condition has yet been made." Ada-lah bilangan buroh² telah bertambah 300-310 ribu tetapi tidak ada statistic penyelidekan yang telah di-jalankan oleh Kerajaan untuk mengetahui hal kedudokan orang² buroh yang sa-benar-nya. Chuma dia kata, "however a few urban areas conducted in 1959 did not show such an excession level of unemployment" tetapi Kerajaan telah menjalankan siasat atas beberapa tempat di-dalam bandar² sahaja dalam tahun

1959 dan telah di-dapati bahawa kedudokan orang² buroh tidak begitu burok, berma'ana orang yang tidak dapat kerja itu tidak banyak. Wal-hal baharu² ini kita belum lagi lupa bahawa Menteri Buroh sendiri telah menyebut, mengikut Straits Times 4 November, 1960 outline—the policy of the workers. Kata-nya, The Minister of Labour revealed here today. Banyak kata-nya. Tak usah-lah saya bachakan ini. Beribu² orang telah keluar daripada kampung² kerana tidak ada mata pencharian kehidupan dalam kampung², tetapi apa-kah tindakan atau langkah yang telah di-jalankan oleh Menteri Buroh untuk memperbaiki kehidupan ra'ayat jelata ini yang keluar dari kampung² dengan tidak ada mata pencharian-nya. Kata Menteri Buroh nanti sa-hingga sampai perusahaan akan di-dirikan dalam kampung², boleh jadi lima tahun lagi baharu-lah perusahaan² ini akan timbul, tetapi dalam masa lima tahun ini biar mereka itu dudok dengan perut kosong. Apa yang hendak di-buat oleh Menteri Buroh untuk menolong mereka itu—tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menarek perhatian ia-itu Menteri Muda Penerangan suka sangat menyampok saya, kalau sa-kira-nya dia hendak berchakap dia akan dapat peluang nanti, tetapi masa ini ia-lah masa saya berchakap.

Mr. Speaker: Tetapi kalau dia menyampok saya akan tahan.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Kata Menteri Buroh: Stop drifting from rural areas. Dan dia memberi arahan pula kepada Labour Exchange supaya jangan di-layan permintaan—permohonan yang datang daripada orang² kampung. Siapa-kah orang² yang datang daripada kampung², tidak lain mereka itu ia-lah—orang² Melayu kita yang miskin dan papa di-dalam negeri mereka itu sendiri. Mereka itu tidak ada mempunyai mata pencharian kehidupan sedikit pun, tetapi dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama tidak ada sedikit pun satu dasar yang telah di-buat oleh Kerajaan, chuma kemajuan luar bandar hendak di-jalankan dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua sahaja.

Satu lagi perkara yang kita sakalian ketahui ia-lah kebanyakan sawah² padi dan tanam²an di-kampong² sangat kecil yang di-namakan dalam economic ia-lah uneconomical holdings ia itu tanah² pendapatan-nya sangat sedikit. Tidak menghukupi bagi orang² yang menanam itu untuk penghidupannya, tetapi ada-kah, kalau kita buka dalam planning ini, satu dasar tentang Land Consolidation—tidak ada. Apakah Kerajaan hendak membuat dengan tanah² ini yang $\frac{1}{2}$ acre, 1 acre, $1\frac{1}{2}$ acre luas-nya yang hasil-nya tidak menghukupi bagi orang² yang menanamnya. Ada-kah Kerajaan telah masukkan perkara ini ka-dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua? Tidak! Kalau sa-kira-nya uneconomical holding ini tidak di-satukan supaya menjadi economical holding maka bagaimana-kah pendapatan itu dapat di-pertingkatkan supaya menghukupi bagi penghidupan orang² yang menanam dalam tanah² itu.

Sekarang pula ada kita dengar daripada wakil Seberang Utara yang telah mengemukakan satu chadangan ia-itu barang² mantah di-kirimkan ka-luar negeri hendak-lah di-masak atau pun di-buat satu perusahaan dalam negeri ini supaya barang² mantah itu dapat di-perbuat kepada barang² yang berguna untuk di-jual di-dalam negeri ini atau di-jual keluar negeri. Saya menyokong di-atas chadangan ini kerana dengan di-dirikan perusahaan² yang bagini di-negeri ini akan dapat keuntungan yang besar bukan sahaja daripada barang² yang di-perbuat dari kilang² ini bahkan kilang² ini akan membuka mata-pencharian kehidupan bagi satu bilangan yang besar daripada ra'ayat jelata dalam negeri ini.

Satu perkara lagi dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama kebanyakan tenaga boleh di-bilang 75% tenaga telah di-hadapkan tentang perkara Rubber Replanting policy sa-olah² kita meletakkan sekalian telor semua-nya ka-dalam satu raga, kalau jatuh raga itu maka sekalian telor itu akan hanchor. Kalau jatuh harga getah maka ra'ayat jelata di-negeri ini akan mendapat 'azab sengsara, penderitaan dan seterusnya, tetapi kita berasa puas hati bahawasa-nya dasar baharu untuk

hendak memperkembangkan atau diversification perusahaan² untuk di-luaskan mata-pencharian yang bermacam² sa-bagaimana perkara yang lain lagi seperti kopi, tebu dan lain² lagi. Ini ada-lah satu perkara yang baik. Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, dan saya harap Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini jangan lagi membuat kesalahan² yang telah di-buat dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama dan hendak-lah Planning Unit ini di-dirikan dengan sa-berapa segera untuk menjaga dan mengawal perjalanan planning Lima Tahun Yang Kedua ini supaya dapat berjaya.

Enche' Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Yang di-Pertua, Tuan, saya minta kebenaran berchakap di-atas usul yang di-majukan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar. Saya menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada Menteri yang berkenaan, dan mempunyai keyakinan yang penoh di-atas pentadbiran-nya. Sebab-nya saya berkata demikian ia-lah kita telah menentang pengganas hampir² 12 tahun, tetapi kita nampak dengan terang dan nyata apabila peperangan melawan pengganas itu di-ketahui oleh Yang Berhormat Tun Abdul Razak, maka peperangan itu pun dari sa-hari ka-sahari bertambah baik sa-hingga kita mendapat kejayaan yang besar, dan juga sampai kepada pembenaan negara untuk kepentingan ra'ayat. Pada Kerajaan Perikatan, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada laut yang tidak dapat di-renangi, dan tidak ada kemunchak gunung yang tidak dapat di-daki untuk kepentingan ra'ayat—(AN HONOURABLE MEMBER—Hear, hear) Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar tudohan yang tidak bertanggung jawab, terutama sa-kali daripada PAS. Saya boleh nyatakan dengan terus terang di-sini, Tuan Yang di-Pertua, mereka tidak sa-kali² boleh membuat tudohan seperti itu, kerana mereka patut berchakap untuk negeri² Kelantan dan Trengganu sahaja. Apa² perkara yang di-jalankan oleh Kerajaan Perikatan, pehak PAS tidak menerima dengan

baik. Maka ra'ayat di-sana akan terkorban, gelisah dan susah sebab pertentangan siasah. Tuan Yang di-Pertua . . .

Mr. Speaker: Saya chuma hendak mengingatkan perjalanan pemerentahan Kerajaan² Negeri tidak berthabit dengan usul yang ada di-hadapan Dewan ini—saya fikir perjalanan dan pemerentahan Kerajaan² Negeri tidak menjadi satu perbahathan dalam usul yang ada di-hadapan Dewan ini.

Enche' Tajudin bin Ali: . . . Ahli Yang Berhormat dari Besut di-dalam perchakapan-nya tadi tidak tentu arah, ada kala-nya ia menyokong dan ada kala-nya ia tidak menyertai, tetapi di-akhir ucapan-nya ia menyokong. Bagitu-lah pendirian pehak P.M.I.P., Tuan Yang di-Pertua, Saya tidak khuatir, kerana mereka itu bukan orang Kelantan atau orang Trengganu; mereka itu datang dari lain negeri. Tuan Yang di-Pertua . . .

Mr. Speaker: Dalam Standing Orders ada satu Fasal yang mengatakan, sa-sorang itu tidak boleh berchakap dalam Dewan ini menudoh salah sangka kepada sa-orang yang berchakap itu. Itu sahaja yang hendak ingatkan.

Enche' Tajudin bin Ali: Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua, ini berkaitan dengan pembangunan luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai ranchangan yang tegas, sama ada ranchangan lima tahun yang pertama mahu pun ranchangan lima tahun yang kedua. Kita bersama², Tuan Yang di-Pertua, menguchapkan shukor kepada Allah kerana ranchangan lima tahun yang pertama itu berjaya. Di-kampung² di-mana pada masa dahulu perekonomian-nya dengan keadaan di-bandar tidak sa-imbang, maka pada hari ini kita dapati jalan raya yang chantek, ayer mengaler terus-menerus, menanam padi dua kali setahun dan orang mati pun berkurangan, ini ia-lah di-sebabkan kejayaan ranchangan lima tahun yang pertama. Tuan Speaker, kalau ada orang di-luar bandar mati pada hari ini, mereka tentu mati dengan senang hati (*Ketawa*) sebab-nya saya berkata

demikian ia-lah kerana ia telah dapat mengechap kebahagiaan yang di-jalankan oleh Kerajaan Perikatan. Saya sendiri pun, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya mati besok tentu muka saya pun manis (*Ketawa*)—masa itu saya tidak sedar lagi. Bagitu-lah kejayaan ranchangan² yang di-jalankan oleh Kerajaan Perikatan, tetapi pada pehak yang tidak bertanggung jawab memejamkan mata, mereka itu mengatakan intan itu chuma batu samata².

Tuan Yang di-Pertua, ranchangan tanah pun telah di-jalankan dengan berluas²an. Kalau kita memandang kepada tawarikh tidak ada ranchangan tanah di-jalankan dalam Persekutuan Tanah Melayu ini saperti yang dibuat oleh Kerajaan Perikatan pada masa sekarang ini. Yang di-katakan 30,000 ekar telah di-jalankan dengan jaya-nya itu ia-lah bagi peringkat yang pertama. Dalam peringkat yang pertama kita telah mengalami ke-susahan dan mempelajari apa² yang susah. Kita harap dalam peringkat yang kedua ranchangan tanah itu dapat kita gandakan, dan juga lain² ranchangan pun akan turut sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyatakan kepada Dewan ini ia-itu di-samping kita menjalankan ranchangan lima tahun yang pertama dan sekarang masok kepada ranchangan lima tahun yang kedua Kerajaan² Kelantan dan Trengganu tidak ketinggalan. Mereka pun ada ranchangan yang bersendirian untuk faedah orang kampong saperti berternak babi yang mana kita harap perkara itu baik dan berjaya. Tuan Yang di-Pertua, . . .

Mr. Speaker: Saya hendak mengingatkan lagi ranchangan lima tahun yang kedua yang ada di-hadapan Dewan ini ia-lah ranchangan Federation, jadi termasuk semua negeri yang ada dalam Federation ini. Ranchangan² satu² Kerajaan Negeri tidak menjadi perbahathan. Sa-siapa juga yang berchakap ranchangan Kerajaan² Negeri saya akan tahan, perkara itu tidak ada kena-mengena sama sa-kali dengan usul yang ada ini.

Enche' Tajudin bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, sa-perkara lagi yang patut

saya kemukakan dalam Dewan ini ialah berkenaan dengan perekonomian dalam negeri ini. Pada 'am-nya perekonomian orang Melayu sangat ketinggalan. Pada masa sekarang untuk membaiki perekonomian orang Melayu bermacam² ranchangan sedang di-jalankan ia-itu menerusi RIDA dan lain². Pada pendapat saya untuk membaiki perekonomian orang Melayu Kerajaan hendak-lah membantu orang Melayu dengan tegas-nya supaya mengambil bahagian perekonomian seimbang dengan lain² bangsa yang dudok di-dalam bandar yang besar. Yang Berhormat Menteri Pertanian bersungguh² bekerja untuk menchari wang kerana hendak menubuhkan kilang baja urea. Pada pendapat saya walau macham mana gaya dan usaha sa-kali pun, susah juga hendak mengumpulkan wang \$10 atau \$15 juta untuk menubuhkan kilang baja itu, kerana pusingan wang orang kampung itu sangat sedikit. Tuan Yang di-Pertua, bukan-lah berma'ana orang Melayu tidak sedar ia-itu membeli sher kilang baja itu akan memberi faedah kepada mereka pada hari yang akan datang kelak, tetapi, yang sabenar-nya wang tidak ada. Kerajaan boleh membaiki perekonomian orang Melayu, chontoh-nya sangat terang saperti yang di-jalankan oleh RIDA di-Kelantan ia-itu menubuhkan satu kampeni bas dengan membeli sher bas itu, kalau tidak hari ini barangkali semua perniagaan bas orang Melayu di-Kelantan itu tentu kechiwa.

Dengan hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mengeshorkan galakkan-lah perusahaan yang besar², jangan-lah menggalakkan perniagaan membuat tali sabut yang bermodal \$3,000 itu tidak berseimbangan dengan perkembangan ekonomi sekarang ini. Kerajaan patut-lah menguntokkan wang kepada perniagaan yang besar² untuk menjaya dan membolehkan orang Melayu mengambil bahagian yang lebih baik lagi dalam perkembangan perekonomian mereka itu.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, di-hadapan kita ini ada satu usul yang paling berma'ana di-dalam pembangunan negara dan di-dalam pembangunan ekonomi Persekutuan Tanah Melayu.

Dan di-dalam mengemukakan usul-nya, Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Pembangunan Luar Bandar telah menghuraikan beberapa masaalah yang rumit dan sulit yang telah di-lalui pada masa² yang sudah dan yang akan di-lalui pada masa yang akan datang. Pada asas yang di-maksudkan di-dalam usul ini ada-lah supaya dapat di-bawa masharakat negeri ini atau ra'ayat negeri ini ka-dalam satu taraf hidup yang lumayan yang sesuai sa-bagai sa-buah negara yang merdeka.

Menteri yang berkenaan telah pun menyatakan dengan terang-nya kepada kita di-dalam Dewan ini bahawa ranchangan ini ada-lah berbentok ranchangan kebangsaan, yang akan di-peringkatkan dari satu peringkat kasatu peringkat dan akan di-lakukan dari satu masa ka-satu masa mengikut keadaan dan kesanggupan Kerajaan negeri ini. Di-dalam senarai yang diberikan kepada kita, nyata-lah keinginan Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup ra'ayat negeri ini telah pun jelas tergambar di-nyatakan kepada kita di-dalam ranchangan lima tahun yang pertama dan telah pun di-tulis di-dalam buku yang ada di-hadapan kita ini. Dengan sendiri-nya dapat-lah kita mutala'ah beberapa kerumitan yang timbul walau-pun kesulitan yang di-dapati itu lebih daripada apa yang kita jangkakan. Fikiran yang saya kemukakan di-sini, Tuan Yang di-Pertua, bukan-lah fikiran yang penoh dengan rasa sentimen. Oleh Timbalan Perdana Menteri sendiri telah berkata bahawa ini ada-lah soal national, beliau meminta kepada semua gulongan ra'ayat dalam negeri ini dengan tidak mengira apa keturunan mereka, telah di-ajak oleh beliau supaya bekerja keras demi kepentingan national dan kepentingan kema'moran negara. Oleh kerana itu di-kemukakan-lah hal ini oleh Timbalan Perdana Menteri kepada kita dan saya rasa, patut-lah juga kalau kita sakelian di-dalam langkah membahath dan mengemukakan pendapat² supaya apa yang di-maksudkan oleh Timbalan Perdana Menteri di-dalam ranchangan lima tahun yang akan datang ini supaya dapat di-luaskan dan di-sambong bagi kehidupan penduduk², di-luar bandar dan di-dalam bandar maka tentu-lah sa-bagai manusia biasa yang membuat

ranchangan ini misti-lah di-dapat beberapa kekurangan dan kelemahan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan yang besar daripada kewajipan kerajaan mengemukakan perkara ini ia-lah oleh kerana pada masa yang akan datang menurut report atau kenyataan ini penduduk negeri ini akan bertambah. Pada masa yang akan datang anak² kita yang sekarang ini maseh kecil akan menjadi dewasa. Anak² kecil yang berumur 10 tahun sekarang ini, akan datang umur-nya menjadi 15 tahun dan akhir-nya orang² yang belum beristeri mereka akan beristeri. Dan orang² yang anak²-nya sekarang ini dua orang akan bertambah menjadi 5 orang pada masa akan datang. Dan tiap² penambahan dan perubahan itu tentulah mehajatkan kepada taraf hidup yang baik bagi famili-nya itu sendiri supaya tiap² keluarga itu dapat kehidupan yang lebeh baik dan lebeh sempurna supaya menjadi sa-orang warga negara yang berfaedah kepada negeri ini. Dan oleh kerana penambahan bilangan penduduk² negeri ini dan jika di-takdirkan oleh Tohan apa yang di-katakan oleh Yang Berhormat Wakil Larut tadi orang kampung ta' akan mati dengan menerima ranchangan ini, akan ramai-lah penduduk negeri ini kerana orang² itu tidak ada yang akan mati. Ini-lah masaalah yang ada di-hadapan kita ia-itu bagaimana-kah hendak kita isi kehendak² masharakat kerana pada masa yang sudah² kita telah mengalami sendiri dengan 2 tahun dalam kemerosutan. Kemerosutan yang menyebabkan ranchangan ini tidak berjalan dengan baik dan lancar seperti mana kita kehendaki oleh kerana kejatohan harga getah, kejatohan harga pasaran dunia di-atas barang² yang di-keluarkan oleh negeri ini sendiri umpama-nya getah dan bijeh. Tetapi alhamdu-lillah oleh kerana suatu peperangan telah berlaku di-Korea maka sebab itu-lah kenaikan harga getah dan bijeh telah melambong, dengan yang demikian dapat-lah pula di-jalankan ranchangan yang ada itu. Tetapi pandangan kita sa-buah ranchangan pembangunan negara tidak-lah boleh hanya kita mengharapkan kepada satu² keadaan dunia atau pun benchana alam yang akan timbul dan kita tidak akan mengharapkan ada-nya satu lagi

peperangan di-dunia yang menyebabkan harga getah kita melambong tinggi. Tetapi apa yang di-katakan oleh Timbalan Perdana Menteri kepada kita bahawa harga getah pada 5 tahun yang akan datang ini pukul rata-nya 80 sen sa-paun makan dalam ranchangan 5 tahun yang akan datang ini akan berjalan-lah ranchangan ini dengan baik-nya.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu soal yang harus kita fikirkan ia-itu kalau-lah harga getah jatuh lagi seperti sabelum perang yang kedua mithal-nya katakan-lah pukul rata 4 sen satu paun apa akan jadi kepada ranchangan ini? Sedangkan sekarang ini kita menggalakkan ra'ayat supaya menanam getah sa-mula. Bila kita berchakap dalam hal menanam getah sa-mula maka dapat-lah kita tengok di-dalam kenyataan ini dan dapat-lah kita bahawa penanam getah sa-mula itu telah menarek perhatian ra'ayat banyak orang yang telah menebang getah-nya yang telah tua itu tetapi sedikit pula percentage-nya faedah² yang di-perolehi oleh pemilek² kebun getah kecil itu. Kalau-lah kita memberi tenaga² dan usaha kepada penanam getah sa-mula itu dan kepada pembukaan tanah baharu sekarang ini dengan menanam getah, katakan-lah kebun itu akan mengeluarkan hasil 5 atau 6 paun pada sa-ekar pada masa yang akan datang, bererti-lah bahawa pasaran dunia akan tidak membeli dengan harga yang tinggi kerana getah itu akan melimpah² banyak-nya.

Tuan Yang di-Pertua, bila harga getah yang di-punya² oleh ra'ayat yang miskin itu jatuh harga-nya sedangkan galakan menanam sa-mula kepada mereka yang mempunyai kebun² yang kecil² itu di-perluas dan sharat² yang di-kenakan kepada mereka yang memotong getah-nya itu terlalu ketat dan rumit sa-hingga susah bagi mereka itu mendapat bantuan daripada ranchangan ini maka timbul-lah pendapatan sa-tengah² orang kampung; dan ini nyata kalau kita pergi ka-kampung² dan bertanya kepada orang kampung kita akan dapat jawapan bagini: "Kalau-lah aku tebang getah tua aku ini dan aku susah mendapat bantuan lebeh baik-lah aku biarkan tua dan aku dapat hasil walau pun 4 depa tinggi-nya dia menoreh." Tuan Yang di-Pertua, kalau

kita tengok memang betul pokok getah itu sampai 4 depa tinggi-nya di-toreh. Dengan hal ini saya rasa, Kementerian ini hendak-lah menchuba mengatasi masaalah yang rumit ini. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarek hati bagi ranchangan 5 tahun yang kedua yang hendak di-laksanakan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ini ia-itu dua kali ganda maju-nya di-sediakan bagi penduduk² di-luar bandar di-dalam ranchangan ini.

Di-dalam ranchangan yang kedua ini saya mengharap dan mengeshorkan kapada Kementerian yang berkenaan supaya mengamat-amati benar² manakah satu daripada ranchangan itu yang lebeh mendatangkan kesan yang baik di-dalam pembangunan penghidupan ra'ayat di-kampong². Melaksanakan suatu ranchangan dengan mengatakan ini satu ranchangan yang telah berjaya sahaja tentu-lah tidak akan mendatangkan apa² kesan-nya kapada ra'ayat. Mithal-nya—saya membuat satu mithal, Tuan Yang di-Pertua, dalam Ranchangan Kemajuan Luar Bandar, kita membuat suatu jambatan dan jambatan itu katakan-lah jambatan Temerloh. Mustahak benar jambatan Temerloh itu di-dirikan kerana menghubungkan kampong² yang ada dan memudahkan perhubungan dengan tanah² baharu dengan bandar Temerloh. Oleh kerana feri ada, maka mustahak-lah di-gantikan-lah dengan sa-buah jambatan dan jambatan itu juga ada di-dalam Ranchangan Pembangunan Luar Bandar dan oleh kerana jambatan itu hendak lekas sangat di-buat kerana hendak menunjokkan dengan chepat-nya kapada ra'ayat maka ra'ayat bergembira-lah dengan jambatan itu. Tetapi apa yang sudah jadi, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan telah terpaksa mengalami kerugian sebab-nya tidak fikirkan dengan masak²—harus telah di-fikirkan juga tetapi tidak di-fikirkan dengan bagitu lanjut, apa-kah akibat-nya dengan membuat sa-buah jambatan yang rendah sa-perti di-Temerloh itu sedangkan ayer Sungai Pahang itu dan Timbalan Perdana Menteri tahu benar bagaimana deras-nya, waktu bah yang pertama tenggelam 6 kaki tidak ada apa² tetapi waktu bah yang kedua jambatan itu telah roboh dan menyebabkan kerugian.

Jadi nampak-lah oleh kita sekarang ini bahawa ranchangan yang di-buat oleh Kerajaan itu ada baik-nya untok masharakat dan untok penghidupan ra'ayat tetapi hendak-lah Kerajaan memikirkan ada-kah ranchangan dan project yang hendak di-buat itu akan dapat benar² menguntongkan ra'ayat dan menguntongkan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Jikalau mithal-nya seperti yang saya kemukakan tadi maseh berlaku lagi tidak sabagaimana yang di-harapkan sedangkan sa-orang anggota daripada sa-belah sana tadi mengatakan hendak-lah ranchangan itu berfaedah kapada ra'ayat dan jikalau chara kechuaian yang demikian maseh berlaku, saya yakin dan saya perchaya penderitaan yang dirasai oleh ra'ayat tidak akan kurang.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara² yang di-kemukakan oleh Timbalan Perdana Menteri kita, di-dalam masaalah mithal-nya talipon, masaalah pembukaan tanah baharu, jalan², pelajaran dan sa-umpama-nya, ini semua-nya ada-lah di-dalam rangka yang hendak di-buat pada masa yang akan datang. Sekarang kita hendak-lah mengkaji kehidupan ra'ayat luar bandar itu dengan sa-benar-nya, jikalau kita hendak menegak dan meninggikan taraf hidup ra'ayat di-luar bandar.

Saya mengatakan tadi jumlah penduduk akan bertambah, anak² mereka akan bertambah dan dengan tambahan itu menambahkan lagi perbelanjaan hidup mereka sa-hari² sedangkan harta yang mereka punya tidak bertambah, dua ekar tetap dua ekar, lima ekar tetap lima ekar, kemudian dengan bertambah-lah orang yang akan makan dan kurang-nya penghasilan ini-lah yang menyebabkan maka penghidupan mereka itu terancham. Dalam bagaimana hendak mengatasi masaalah ini, bukanlah dengan hanya kita tumpukan, Tuan Yang di-Pertua, membuat indas-teri² yang besar, perusahaan² yang besar, tetapi hendak-lah menumpukan perhatian kita bagaimana chara-nya hendak memberi hidup kapada ra'ayat di-kampong². Mereka itu ada juga bertanam tanam-tanaman umpama-nya pisang, rambutan dan sa-bagai-nya. Saya buat satu chontoh, Tuan Yang di-Pertua, Ayer Lanas. Di-Ayer Lanas

ada satu kumpulan manusia yang sedang membuka tanah baharu dan di-situ dapat di-lihat hasil tanam-tanaman mereka itu baik, besar² dan subur² tetapi harga barang² mereka itu telah menjadi rendah oleh kerana barang² itu berputar di-keliling kampung itu sahaja. Si-"A" jual kepada si-"B", dan jikalau "A" menanam ubi dan "B" menanam padi maka bertukarlah di-antara kedua-nya, jadi harga-nya rendah oleh kerana jalan hendak membawa barang² mereka itu ka-Tanah Merah, satu bandar yang kecil tidak ada, kalau ada pun tidak sempurna keadaan-nya. Jadi walau pun tadi ada di-antara Yang Berhormat mengatakan jalan tidak begitu mustahak, itu benar. Tetapi tidak mustahak jalan bagi orang yang mempunyai jalan, bagi mereka yang belum mempunyai jalan sa-umpama chontoh yang saya sebutkan tadi, kepada mereka itu mustahak-lah ada jalan raya yang baik supaya memudahkan ra'ayat membawa barang² mereka itu keluar supaya barang² mereka dapat di-jual dengan harga yang tinggi dan dapat menolong penghidupan mereka dan anak² mereka yang bersekolah dan sa-umpama-nya.

Pada pendapat saya pandangan Kementerian yang berkenaan hendaklah di-tumpukan kepada jiwa orang² kampung itu sendiri, apa-kah yang di-kehendaki oleh mereka itu. Mereka tidak-lah terlalu bodoh tidak mahukan letrik, sebab letrik yang kita masukkan ka-kampung² itu faedah-nya hanya satu, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu menerangi rumah² yang gelap 100 tahun yang sudah. Menerangi rumah² yang gelap 100 tahun yang sudah dengan kita memasukkan letrik ka-kampung² itu sahaja tidak akan menyenangkan perut-nya dan tidak akan mengembirakan kehidupan mereka dari sa-hari ka-sahari. Apa yang akan di-rasai-nya, dia terpaksa pula menchari jalan mendapatkan wang bagaimana hendak membayar hasil atau membayar karan yang di-pakai-nya itu sedangkan perbelanjaan hidup sa-hari² bertambah², ayer paip juga terpaksa di-bayar. Tuan Yang di-Pertua, tempat² yang payah hendak kita adakan paip² ayer kita adakan-lah telaga. Telaga beribu² banyak-nya di-dalam negeri ini. Saya pernah melihat satu telaga di-Chikus

dalam jajahan Hilir Perak—telaga dalam Ranchangan Luar Bandar. Di-letakkan telaga itu jauh daripada kampung, kedai pun jauh, rumah Penghulu pun jauh maka terbiar-lah telaga itu dengan tiada di-gunakan langsung oleh ra'ayat yang ada di-dalam kampung itu oleh kerana orang kampung itu tidak memustahakkan telaga yang saperti itu tetapi dia memustahakkan mithal-nya taliayer-nya di-perbaiki kerana dengan taliayer itu akan dapat menambahkan hasil padi-nya.

Mr. Speaker: Saya dapati perchakapan awak banyak berulang²; itu tidak di-kehendaki mengikut peraturan ini. Dan lagi jangan-lah satu² fasal itu di-ulang² sampai beberapa kali. Chuba-lah keluarkan perchakapan 'am sahaja supaya dapat ahli² yang lain di-beri peluang mengambil bahagian dalam soal ini. Jemput.

Enche' Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan satu chontoh ia-itu telaga yang tidak di-kehendaki atau tidak begitu penting oleh ra'ayat. Jadi saya harapkan kepada Kementerian ini ia-itu dalam soal Pembangunan Luar Bandar ini hendaklah mengutamakan benda yang mustahak dan yang penting bagi mereka ia-itu yang pertama-nya kesihatan. Di-sini di-sebutkan bahawa di-dalam tiap² 5,000 penduduk-nya kita akan adakan Health Centre atau Rumah Kesihatan, kemudian Sub-Centre, kemudian ada pula tempat orang beranak dengan midwife-nya. Tetapi kalau kita tengokkan betul² di-mana-kah satu daerah yang penduduk-nya 5,000 orang ada satu centre, ada sub-centre-nya sampai 22 buah dan ada pula midwife. Boleh jadi, Tuan Yang di-Pertua, di-bandar² tetapi di-kampung² saya perchaya bagi pehak kami di-sini berpendapat walau pun bagi pehak Kerajaan Ahli² Yang Berhormat semua-nya akan mengaku ini satu benda yang terjadi betul², bahawa belum-lah ada di-laksanakan dengan memuaskan. Jadi yang penting kepada ra'ayat ia-lah kesihatan mereka itu kerana mereka akan mengadu tenaga-nya dengan menghadapi masa depan dengan tenaga yang ada pada-nya, dengan tidak di-jaga kesihatan-nya dan dengan kurang pula layanan pemeliharaan anak² kecil akan menyebabkan

kurang tenaga mereka, dan anak² mereka akan terbiar.

Jadi yang penting-nya kapada ra'ayat ia-lah kesihatan mereka itu, kerana mereka akan mengadu tenaga dengan menghadapi masa hadapan. Dengan usaha yang ada pada-nya dengan tidak di-jaga kesihatan-nya itu, dengan kurang-nya pemeliharaan anak² kechil, dengan kurang-nya mendapat layanan² Hospital maka akan menyebabkan kekurangan tenaga yang akan kita hajikan daripada mereka itu. Ini yang penting sa-kali. Pertama sa-kali supaya pembangunan kesihatan itu di-utamakan. Kedua kekurangan kita ia-lah soal persekolahan. Pembangunan luar bandar bukan sahaja kita hendak memberi hidup kapada orang² tua kapada penghidupan yang baharu, tetapi juga kita hendak mendidik anak² dengan penghidupan yang baharu pula.

Baharu² ini saya pergi melawat di-beberapa kawasan yang jauh masuk ka-dalam hutan. Di-sana ada sa-kelompok manusia yang penduduk-nya ada lebeh kurang 1,000—2,000 orang, tetapi tidak ada mempunyai sekolah dengan yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, kita patut-lah memberi nilai dalam pembangunan luar bandar kita kapada kesihatan ra'ayat, kapada pendidekan ra'ayat, kapada perekonomian ra'ayat itu sendiri lebeh kita utamakan dan lebeh kita pentingkan. Kita tidak-lah akan mengagak apa yang akan terjadi dalam Ranchangan Lima Tahun yang akan datang, tetapi kita berdo'a kapada Tuhan, kapada Allah subhanahu wata'ala semuga Ranchangan Lima Tahun ini benar² berjaya dan benar² dapat memberi faedah-nya kapada ra'ayat di-luar bandar terutama-nya.

Saya mendo'a ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan-lah oleh kerana di-buat oleh Kerajaan Perikatan, tetapi ia-lah kerana kepentingan ra'ayat di-luar bandar itu lebeh mustahak daripada apa yang kita perchayakan. Di-masa² yang telah sudah telah kita bayangkan di-sini banyak project yang kita buat itu untuk membesarkan orang yang memang sudah besar maka masa akan datang ini biar-lah usaha dan tenaga ini kita berikan kapada mereka yang berhajat atau yang berkehendakkan itu di-luar bandar.

Berchakap berkenaan dengan peluang bekerja yang telah di-kemukakan sebagai tujuan Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini memberi peluang kapada penduduk² di-luar bandar dengan iktisad-nya. Itu-lah yang saya shorkan tadi telah pun saya kemukakan. Yang kedua-nya memberi peluang kapada ra'ayat negeri ini yang tidak mendapat kerja, yang susah mendapat pekerjaan. Dalam soal memberi peluang kapada orang² yang tidak mempunyai pekerjaan maka saya tertarek hati kapada keterangan sa-orang Ahli Yang Berhormat dari pihak sana tadi mengatakan supaya barang² mentah yang di-dapat dalam negeri ini, di-buat kilang² perusahaan² bagi memberi peluang kapada orang² kita yang tidak ada kerja bekerja dalam perusahaan² itu. Oleh sebab itu chuba-lah Kerajaan Persekutuan membuat satu ranchangan membena kilang² supaya bahan² mentah yang ada dalam negeri ini dapat di-jadikan benda yang berfaedah yang boleh di-gunakan, mithal-nya orang² Jepon, dahulu Jepon berperang dan sa-telah dia kalah perang dia terpaksa mengganti kerugian kapada kerajaan yang di-perangi-nya. Dia telah membayar hutang-nya kata-lah Malaya ini sahaja hanya dengan menjadikan zing bagini maka jadi-lah sa-buah kereta permainan anak².

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Macham mana?

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Ia-lah di-buat-nya bagitu bagini tentu dengan factory-nya.

Mr. Speaker: Saya hendak mengingatkan—semua perchakapan dalam Majlis ini hendak-lah di-tujukan kapada Yang di-Pertua. Kalau sa-saorang berchakap dia menjawab dengan itu jadi tidak boleh di-jalankan dengan bagitu mengikut peratoran yang ada ini. Kalau ada tegoran daripada sesiapa misti-lah tegoran itu di-hadapkan kapada Yang di-Pertua dan tidak boleh orang yang berchakap itu menjawab tegoran itu, melainkan ada perentah daripada Yang di-Pertua.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, tentulah dia membuat kilang² membuat permainan budak² kechil, saperti

motor car dan lain². Dengan cara itu dia dapat membayar hutang-nya. Jadi kalau sakira-nya negeri ini dapat membuat perusahaan² seperti itu saya yakin dan percaya penghidupan ra'ayat yang tidak berkerja akan dapat pekerjaan dan dapat pula mengisi kehidupan-nya. Dalam ini kita nampak bahawa rural industry akan di-beri peruntukan sabanyak 10 juta ringgit pada ranchangan yang kedua ini sedangkan rubber replanting sa-banyak 165 juta ringgit. Jadi berma'ana rural industry yang kita maksudkan itu tentu-lah perusahaan² kecil, kilang² kecil yang ada di-kampung² yang di-gunakan oleh orang² kampung sendiri. Mithal-nya kilang sabut, kata saya tadi walau pun ada yang mengatakan tidak guna kita buat tali sabut ini dan tidak guna kita buat berus daripada sabut, pada hal yang menggunakan sabut ini, yang menggunakan sapu sabut serta yang menggunakan tali sabut ia-lah orang² kampung. Orang bandar dia tidak ada kerbau, Tuan Yang di-Pertua, yang hendak di-ikat dengan tali sabut, yang ada ia-lah orang² kampung yang hendak mengikut kerbau dan ternakan-nya dengan tali itu sedangkan tali sabut itu kita bawa daripada luar negeri maka alang-kah baik-nya kalau perusahaan seperti itu di-galakkan dalam negeri ini sa-hingga mereka mempunyai perusahaan membuat tali daripada sabut, kemudian orang² kampung itu dapat membeli tali sabut-nya dengan harga yang lebih murah dan dapat mengsaimbangkan kehidupannya dengan pendapatan mereka. Dengan sebab itu saya minta walau pun Timbalan Perdana Menteri mengatakan ini hanya ranchangan yang akan kita kaji dari semasa ka-semasa maka saya mengeshorkan kepada Yang Berhormat Menteri itu supaya rural industry ini di-perbesar dan di-galakkan daripada masa yang telah sudah². Banyak tenaga² yang kita perlukan, yang kita hajikan dan yang kita usahakan itu akan mendapat layanan yang baik daripada ra'ayat negeri ini sendiri. Kalau hendak di-bawa beberapa mithal yang lain tentu-lah banyak, Tuan Yang di-Pertua, tetapi itu-lah rasa saya dalam rural industry ini yang kita harapkan supaya Kerajaan memandang berat benar² dalam perkara ini.

Yang ketiga dalam tujuan ranchangan yang kedua ini kata saya tadi tidak-lah dapat kita gambarkan apa yang akan terjadi, tetapi Timbalan Perdana Menteri telah berjanji kepada kita akan membentangkan kepada kita pada tiap² tahun. Tahun yang pertama, tahun yang ka-dua, tahun yang ka-tiga, tahun yang ka-empat dan tahun yang ka-lima atas dasar yang telah dibuat dan hasil yang telah di-chapai serta kejayaan yang telah di-peroleh dan mudah²an pada tahun yang akan datang ini kita akan dapat mengkaji dan kajian kita pada masa hadapan itu kita harap bahawa orang² di-luar bandar lebih banyak mendapat faedah daripada orang² yang di-dalam bandar ini sendiri, apa lagi bagi pehak orang² yang memang sudah lumayan hidupnya itu.

Demikian-lah, Tuan Yang di-Pertua, pendapat saya dalam perbahathan ini dan akhir-nya jauh sa-kali fahaman yang mengatakan bahawa kita ini membangkang soal ini. Kami tidak membangkang sedikit pun dan kalau ada orang yang mengatakan wakil daripada Besut tadi berpusing² chakap-nya maka sa-benar-nya tidak berpusing, sebab itu dalam soal ini saya hormati dan pendapat Timbalan Perdana Menteri yang meminta kita ketepikan soal kepartian dan fahaman politik kita masing² dan dengan yang demikian saya berharap kepada Ahli² Yang Berhormat yang lain² itu faham bahawa yang kita hadapi ini ia-lah masalaah national dan jangan-lah chuba membuat sa-suatu yang akan menimbulkan rasa kechewa di-antara kita sa-sama kita. (*Tepok*).

Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Malacca Utara): Tuan Yang di-Pertua, berchakap tentang chadangan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkenaan dengan Ranchangan Lima Tahun yang Kedua ini saya patut mengucapkan terima kaseh, kerana apa yang di-suarakan kepada kita dalam Dewan ini ada-lah satu ranchangan yang tidak-lah sa-bagaimana agakan atau ucapan Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah yang ragu² boleh jadi atau tidak pada masa yang akan datang. Jadi benda yang di-tunjokkan kepada kita itu nampak

terang dan terbentang dan ini memahamkan pada saya sendiri ia-itu Ranchangan Lima Tahun yang Kedua akan mempunyai kejayaan yang gilang gemilang sa-kira-nya kita fahamkan perkara ini.

Berchapak kapada chontoh² yang di-beri berkenaan dengan kemajuan Ranchangan Lima Tahun yang Pertama, banyak di-antara Ahli² Yang Berhormat, terutama sa-kali Ahli² Yang Berhormat Kelantan Hilir juga Tanah Merah tidak mendalami perkara ini dengan sa-benar-nya akan kehidupan ra'ayat yang di-luar bandar itu. Mithal-nya, mereka berchapak berkenaan dengan kemajuan seperti hal kesihatan. Tentu-lah bagi pehak Kerajaan yang menjalankan kerja sa-chara perikhtikal tidak akan dapat membena segala²-nya itu, pada hal kalau kita tengok Para. 43. muka 13. peralehan pemerintahan atau pentadbiran baharu sahaja di-terima oleh Kerajaan Persekutuan daripada Kerajaan² Negeri pada tahun 1958. Walau bagaimana pun, bagi pehak saya di-Melaka, nampak dengan jelas atas benda² yang di-buat dalam Ranchangan Lima Tahun yang Pertama. Jangan-lah kita berchapak sahaja dalam Dewan ini, tetapi datang-lah ka-tempat² yang perkara ini sudah di-jalankan, kemudian kita balek ka-dalam Dewan ini memberi tahu bahawa ranchangan Kerajaan Perikatan dalam hal memajukan ra'ayat tentang kesihatan akan di-jalankan dengan sunggo² dan benda ini akan berjaya juga pada suatu masa yang akan datang.

Kemudian berchapak pula dalam hal pembukaan tanah yang mengatakan chontoh yang di-buat oleh Kerajaan Perikatan dalam Ranchangan Lima Tahun yang Pertama itu tidak baik. Saya dengan beberapa hormat-nya meminta: kalau² orang dari Philippines atau kalau² orang dari Ceylon hendak melawat tempat² luar bandar ini, apa salah-nya kalau dari Prai kita pergi ka-Kelantan dan terus sahaja ka-Melaka, dan lihat bagaimana-kah ranchangan F.L.D.A. yang di-jayakan oleh Kerajaan Perikatan, khas-nya datang-lah ka-Kemendor dan Menggong, kemudian baharu-lah timbul perasaan kita untuk menghujahkan

bahawa ra'ayat kita pada masa yang akan datang makin bertambah menganggor itu akan luput, kerana galakan Kerajaan Perikatan supaya semua ra'ayat dapat mempunyai tanah dan harta. Tidak-lah galakan sa-bagaimana yang di-buat supaya orang kita mendorong anak² muda kita menjadi buroh, menjadi orang yang makan gaji, menjadi minta-minta kapada satu perusahaan yang hendak di-beri itu, pada hal ini ada-lah tidak sesuai dengan pendapat kita sa-bagai manusia. Walau bagaimana sa-kali pun, kalau kita bekerja dengan orang lain, maka benda ini tidak-lah sawajar-nya di-galakkan oleh Kerajaan yang sudah merdeka kapada ra'ayat-nya yang ingin memperbaiki kehidupannya pada masa yang akan datang, bukan sa-bulan dua ini, tetapi pada tahun² yang akan datang yang akan menurunkan beneh dan yang akan menjadi satu bangsa yang kuat dan tegoh dalam dunia ini—(An Honourable Member Hear, hear!) Dalam hal memajukan ra'ayat di-luar bandar maseh banyak lagi kita mendengar, bukan sahaja di-luar Dewan ini, bahkan pada pagi ini pun kita maseh lagi mendengar ucapan² yang di-keluarkan Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah khas-nya yang mengatakan ranchangan Kerajaan Perikatan memberi ayer ka-kampong itu tidak memberi faedah. Dalam keterangan yang bagini ada-lah sangat mendukacitakan. Kita tahu ra'ayat berkehendakkan kesihatan, kalau mereka sudah sihat, mereka boleh bekerja dan boleh belajar kalau anak kita, tetapi ranchangan Kerajaan memberi ayer paip yang di-sampaikan ka-kampong² itu di-tolak—ini tidak mustahak, itu tidak mustahak. Jadi perkara yang macham mana-kah yang di-fikirkan oleh PAS mithal-nya, untuk memperbaiki perkara ini?

Sa-lain daripada itu, jalan raya yang di-buat itu tidak nampak macham mana faedah kapada orang² kampong. Di-Melaka nyata benar, baharu dua tiga hari yang lepas Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah membuka satu jalan yang dalam ranchangan kita ini. Jadi tidak payah-lah kita berchapak, lebeh baik kita lihat

dan tanya orang² di-tempat atau di-kawasan yang di-lawati itu, ada-kah ranchangan ini memberi bekas atau berguna kapada ra'ayat atau tidak?

Berkenaan dengan api itu kalau kita mentafsirkan perbekalan letrik ini hanya barangkali merugikan ekonomi ra'ayat, maka gelap-lah dunia ini pada masa yang akan datang kalau kita tidak galakkan kapada mereka. Jadi maksud kita sekarang jangan mengkecilkan perkara ini, kita mesti besarkan. Apa-kah guna-nya letrik yang sa-benar-nya, apa-kah sebab kita berura² menyampaikan letrik itu ka-mana² sahaja? Bukan-kah letrik ini apabila kita sampaikan ka-kampong², terutama kapada tempat yang ada lombong itu boleh mengeluarkan hasil yang baik, bukan-kah dengan letrik ini akan mengurangkan orang daripada bekerja banyak bekerja kurang, bukan-kah kita boleh mengeluarkan fikiran kita yang baik lagi bila ada senjata kerana ada benda yang kita boleh jalankan? Mithal-nya, kita hendak membuat motokar kecil seperti yang di-buat di-negeri Jepun sana, bukan-kah benda² itu ada hubongan-nya dengan letrik? Mari-lah kita beramai² membesarkan jiwa ra'ayat yang di-kampong itu menyuruh mereka gunakan benda ini. Jangan-lah menghalang mereka yang hendak memasokkan api ka-rumah-nya, jangan-lah menghalang api yang kita hendak sampaikan ka-kampong itu dengan mengatakan mereka akan kena bayaran yang banyak. Pada hal kalau saya mengira ekonomi di-dalam rumah saya sendiri sahaja saya terpaksa membeli minyak tanah 2 tin sa-bulan kerana memasang gasolene ia-itu satu di-serambi dan satu di-dapor dan menggunakan seterika serta lain² saya berbelanja \$10 lebih. Saya rasa kalau menggunakan letrik saya akan berbelanja tidak sampai sa-paroh, barangkali suku sahaja. Bukan-kah ini menguntungkan kalau pun orang itu tidak ada akal hendak membesarkan perusahaan-nya? (*Tepok*). Tetapi dengan ini sahaja pun boleh. Sa-lain daripada itu saya rasa banyak daripada Ahli² Yang Berhormat berchakap, kerana mereka itu memang jarang melihat benda yang benar ini terjadi, jadi

banyak-lah fikiran itu fikiran agak², bila datang fikiran agak², maka kenyataan yang di-bentangkan ini kita tidak nampak, selalu kita memikirkan ini tidak baik, itu tidak baik.

Saya biasa-nya memang tidak hendak berchakap panjang dalam satu² hujah, terutama sa-kali saya tidak-lah suka menghujahkan perkara² yang tidak benar. Jadi dalam Ranchangan Lima Tahun yang Kedua ini nampak sangat bahawa Kerajaan Perikatan hendak memajukan ra'ayat dan negara dengan bersungguh². Sa-bagaimana yang kita tahu negeri kita ia-lah sa-buah negeri yang muda yang baharu sahaja lepas dari belunggu penjajahan, jadi banyak-lah perkara² yang rosak dan banyak perkara yang kita sedang hadapi sekarang ini, tetapi dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini saya nampak semua perkara itu ada di-ranchangkan. Saya suka mengatakan kalau kita ingin benar² hendak menjayakan kemahuan ra'ayat, maka sokongan yang bulat hendak-lah diberi kapada Ranchangan Lima Tahun yang Kedua ini supaya perjalanan-nya dapat kita ikuti daripada sa-tahun kasatahun sa-bagaimana yang di-janjikan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri di-dalam mengemukakan usul ini tadi, terima kaseh.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Yang di-Pertua, ada-lah usul di-hadapan kita ini ia-itu satu chadangan yang sangat munasabah yang sangat di-nanti²kan oleh ra'ayat terutama sa-kali ra'ayat di-luar bandar ia-itu orang Melayu. Oleh sebab kedudukan ekonomi dan kesenangan untuk orang Melayu sangat²-lah terbelakang daripada bangsa asing yang ada duduk di-dalam negeri ini. Kekechiwaan ini bukan di-sebabkan Kerajaan kita tetapi Kerajaan kita yang dahulu ia-itu penjajah untuk memimpin anak negeri-nya menuju mendapat kema'moran dalam negeri-nya sendiri. Jadi, dengan ada-nya satu chadangan lima tahun ini terutama sa-kali orang Melayu ada-lah berdo'a supaya segala ranchangan² itu berjaya dengan 100 peratus-nya. Dalam Ranchangan Lima Tahun yang sudah kita bertanya-lah, ada-kah ranchangan itu

memberi faedah kepada ra'ayat atau tidak, tentu ada. Kalau kita menyelideki dengan dalam dan kita dapati yang ra'ayat di-kampung mengatakan bahawa Ranchangan Lima Tahun yang sudah itu ada-lah satu ranchangan memberi langkah kepada ranchangan yang kedua ini. Kita ambil-lah satu chontoh ia-itu dalam Ranchangan Lima Tahun dahulu, di-kampung² ya'ani di-tempat² yang jauh² daripada bandar telah di-rapatkan ia-itu dengan ada-nya perhubungan jalan raya. Jalan raya ini ada-lah satu perkakas yang menyebabkan kedudukan ekonomi mereka lebeh tinggi daripada yang sudah². Oleh sebab mereka boleh membawa bahan² daripada kampung² mereka terus ka-bandar² untuk mendapatkan harga yang lebeh tinggi tidak sa-bagaimana biasa sa-belum mereka dapat jalan raya ini maka bahan² ini sangat murah harga-nya dan dengan sebab itu kedudukan ekonomi mereka sangat²-lah jatuh. Maka inti-lah satu daripada perkara yang besar di-rasai oleh ra'ayat di-luar bandar dalam Ranchangan Lima Tahun yang sudah ia-itu mendapat kejayaan yang penoh di-atas kejayaan yang elok itu.

Dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini, kita telah dengar Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menerangkan bahawa beberapa kesulitan yang telah kita alami sa-lama lima tahun kepada ranchangan yang pertama. Jadi, pengalaman itu langkah² telah di-ambil sa-bagaimana yang di-katakan di-dalam buku ini ia-itu di-muka 31 dan 95 yang mengatakan ia-itu pegawai² telah di-adakan atau pun training course di-adakan atau untuk menunai-kan pegawai² ini menjalankan atau melancharkan Ranchangan Lima Tahun yang akan datang ini. Dengan ada-nya pegawai² ini di-anggarkan bahawa daripada tahun 1961 sampai 1965 hampir² 24,000 kelamin akan mendapat keuntungan daripada penyelenggaraan tanah ini. Dan juga daripada 75,000 sampai 85,000 ekar tanah akan dapat di-jayakan dengan pegawai² yang ada di-dalam training course pada masa ini.

Satu lagi saya berasa hairan pada hari ini ia-itu kita telah mendapat penjelasan yang terang daripada pehak Persatuan Islam sa-Tanah Melayu ia-itu menyokong dengan tidak berbelah bagi di-atas dasar Ranchangan Lima Tahun ini. Jadi, saya berharap dengan sokongan-nya tadi, dapat di-lantangi suara-nya di-luar Dewan ini tidak sa-bagaimana di-buat ia-itu pada hari ini kita terbacha dalam surat khabar yang mana pemimpin PAS mengatakan Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ada-lah menghabui mata ra'ayat dan saya perchaya ia-itu penerangan ini dapat-lah wakil itu jujur dan menerangkan kepada ra'ayat di-atas sokongan-nya dalam Dewan ini pada hari ini (*Tepok*).

Enche' Abdul Rauf bin Abdul Rahman (Krian Laut): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri ada-lah menyokong di-atas ranchangan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkenaan ranchangan yang kedua tahun 1961-1965. Dan juga saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Perikatan di-bawah anjoran Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah membuat ranchangan ini sa-chara besar²an sa-lama lima tahun ia-itu tujuan-nya ta' lain dan ta' bukan untuk meninggikan taraf hidup orang² di-luar bandar khas-nya orang² Melayu. Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar bersama bermacham² fikiran² telah diberikan oleh Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini sama ada daripada Ahli² Yang Berhormat parti Perikatan atau pun yang di-luar daripada parti Perikatan. Saya perchaya ada-lah segala shak wasangka atau waham daripada Yang Berhormat² rakan saya daripada parti Islam sa-Tanah Melayu yang menganggap ada-lah ranchangan yang di-ranchangkan oleh Kerajaan untuk pembangunan luar bandar sa-lama lima tahun ini macham tidak di-persetujui oleh rakan² saya daripada parti Islam sa-Tanah Melayu tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh sahabat saya daripada kawasan Besut mengatakan ada-lah Ranchangan Lima Tahun ini

ia-lah tidak memberi sa-golongan besar kapada ra'ayat² Persekutuan Tanah Melayu ini tetapi dalam ranchangan ini-lah juga di-beri peluang kapada pemodal² untuk menjalankan ranchangan² pemodal² Ranchangan Lima Tahun ini. Tuan Yang di-Pertua, di-sini saya suka memberi sedikit fikiran, ada-lah ranchangan yang di-buat oleh Kerajaan Perikatan pada masa akan datang ini atau pun ranchangan yang pertama tidak ada satu negara pun di-sabelah timor ini yang membuat ranchangan sa-bagaimana ranchangan luar bandar yang di-buat oleh Kerajaan Perikatan pada hari ini (*Tepok*).

Tuan Yang di-Pertua, ada sa-tengah daripada penduduk Tanah Melayu yang bukan daripada parti Perikatan atau yang bukan penyokong parti Perikatan mengatakan ada-lah ranchangan Kerajaan Perikatan yang di-jalankan ini ada-lah untuk menghabui mata ra'ayat sahaja untuk menunaikan janji² di-sa-masa pilihan raya yang Kerajaan berkata hendak memberi kema'amoran kapada penduduk Tanah Melayu ini. Jadi, dengan sebab itu di-buat ranchangan ini tetapi hanya untuk menghabui mata ra'ayat negeri ini. Ada-lah tuduhan ini, Tuan Yang di-Pertua, sangat² di-kesalkan terutama kapada wakil parti Islam sa-Tanah Melayu yang ada di-dalam Dewan ini barangkali dapat mengagakkan sa-belum ranchangan ini di-jalankan oleh Kerajaan Perikatan, ada-kah Kerajaan² yang dahulu daripada ini telah memberi peluang kapada ra'ayat Tanah Melayu ini mendapat tanah dengan tidak mengeluarkan wang ringgit dan dengan tidak mengeluarkan peloh? Di-sini dapat kita memikirkan jika ta' dapat kesemua penduduk Tanah Melayu ini mendapat tanah tetapi untuk sa-takat ini biar-lah sa-bagaimana sa-orang wakil daripada parti Islam sa-Tanah Melayu tadi mengatakan chuma satu negeri sahaja dapat 200 sahaja, itu pun alhamdulillah, kalau Ranchangan Lima Tahun yang akan datang mudah²an penduduk² negeri ini yang belum dapat tanah akan dapat tanah juga

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 2.30 p.m.

(Mr. Speaker in the Chair)

THE SECOND FIVE-YEAR PLAN

Debate resumed.

Question again proposed.

Enche' Abdul Rauf bin Abdul Rahman: Dato' Yang di-Pertua, kita semua pada hari ini telah mendengar ia-itu wakil daripada Kota Bharu Hilir sa-belum memberi ucapan-nya bertanya ia-itu ada-kah ranchangan yang pertama yang telah di-jalankan oleh Kerajaan itu sudah mendapat kejayaan. Yang Berhormat itu sendiri telah menjawab dan mengatakan pada pendapat-nya ranchangan yang pertama yang telah di-jalankan oleh Kerajaan Perikatan itu tidak berjaya, dengan menunjukkan hujjah²-nya daripada 30 lebeh kurang ranchangan yang di-jalankan bagi tahun 1960 dahulu dua perkara telah di-katakan-nya tidak berjaya ia-itu yang pertama Drainage and Irrigation dan yang kedua ia-lah Kesihatan. Di-sini saya berasa pelek daripada 30 lebeh ranchangan² yang telah di-jalankan oleh Kerajaan dalam tahun 1960 hanya Yang Berhormat itu menyebutkan dua ranchangan sahaja yang tidak berjaya. Yang Berhormat itu lupa

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Saya sebutkan dua sa-bagai contoh sahaja.

Mr. Speaker: Dia sebut dua sa-bagai contoh sahaja.

Enche' Abdul Rauf bin Abdul Rahman: Sa-benar-nya sa-bagai contoh, Dato' Yang di-Pertua, jadi di-sini bererti dia tidak memperchayai atas ranchangan yang di-jalankan oleh Kerajaan bagi tahun 1961 itu berjaya. Jadi saya suka hendak mengatakan mengapa-kah Yang Berhormat itu pula tidak menerangkan dalam 28 ranchangan itu boleh di-katakan 70 peratus lebeh sudah berjaya. Jadi di-sini pada fikiran saya Yang Berhormat itu hanya untuk merendahkan dan memperkecilkan usaha Kerajaan Perikatan berkenaan dengan ranchangan yang di-jalankan dalam tahun 1960.

Sa-lain daripada itu saya suka pula menarek perhatian kepada Majlis ini ia-itu sa-orang daripada sahabat saya wakil Tanah Merah ada mengatakan berkenaan dengan telaga di-buat berjauhan daripada penduduk². Sa-patutnya kata Yang Berhormat itu telaga ini hendak-lah di-buat di-tempat yang banyak penduduk²-nya. Di-sini saya suka menegaskan ada-lah kesilapan membuat telaga yang berjauhan daripada tempat penduduk² bukan-nya tersalah kepada Kerajaan pusat. Saya berani mengatakan kesalahan itu terletak atau tertanggung kepada ahli² Jawatan-Kuasa di-dalam tempat itu, termasuk-lah Yang Berhormat² Wakil Ra'ayat. Sa-patut-nya Wakil Ra'ayatlah yang menjadi ahli Jawatan-Kuasa Tempatan itu berunding dan menentukan di-mana tempat-nya telaga itu patut di-buboh atau di-buat. Tetapi di-sini saya suka-lah menyatakan barang kali Wakil Ra'ayat yang menjadi ahli² Jawatan-Kuasa di-tempat itu tidak mengambil tahu yang sa-benarnya kedudukan Ranchangan Luar Bandar ini.

Sa-lain daripada itu berkenaan dengan pembukaan tanah baharu, ada kita mendengar tadi di-sabelah Kelantan tidak berjaya berkenaan dengan pembukaan tanah baharu dan ra'ayat² Kelantan gelisah sebab tidak mendapat faedah sa-bagaimana ra'ayat² yang ada di-luar daripada Negeri Kelantan atau pun Trengganu. Di-sini saya suka menyatakan ia-itu jikalau sa-kira-nya Kerajaan Negeri² itu tidak boleh hendak menjayakan ranchangan pembukaan tanah baharu ini, serahkan-lah perkara itu kepada Kerajaan pusat untuk menyelenggarakan perkara ini. Saya perchaya jikalau perkara ini di-serahkan kepada pentadbiran Kerajaan pusat, insha Allah tahun 1961 ra'ayat² dalam kedua² buah negeri ini akan merasa ni'mat yang telah di-beri oleh Kerajaan pusat kepada ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu. Saya tidak hendak berchakap panjang lagi hanya saya suka hendak berchakap sedikit lagi ia-itu sahabat saya wakil daripada Tanah Merah tadi berdo'a moga² ranchangan ini akan berjaya dan saya harap kepada sahabat saya itu janganlah minta do'a sahaja tetapi hendak-lah

di-'amalkan dengan do'a itu mudah-mudahan boleh berjaya. Sekian sahaja, terima kasih.

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani (Pasar Mas Hulu): Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sukachita berchakap sedikit dalam perkara Ranchangan Lima Tahun ini. Pihak kami di-sini tidak pernah menyatakan tidak bersetuju kepada Ranchangan Lima Tahun ini, bahkan ada-lah menyokong dengan sa-penoh-nya. Apa yang tidak puas hati oleh pihak kami di-sini ia-lah chara melaksanakan satu² ranchangan itu. Kalau kita lihat dalam penyata ini, maka kita dapati ia-itu dalam perkara pertanian seperti bertanam padi—maseh kita dapati 45 peratus kemasokan beras ka-dalam negeri ini, berma'ana-lah kita maseh bergantung beras dari negeri luar. Sa-patut-nya dalam ranchangan ini di-buatkan target atau matalamat menunjukkan umpama-nya bagi tahun yang pertama berapa-kah jumlah beras yang maseh kekurangan yang berkehendakkan beras dari luar, tahun yang kedua, berapa lagi kekurangan beras mengikut perhetongan dengan di-anggarkan ranchangan pembukaan sawah padi yang baru, sa-terus-nya tahun yang ketiga, keempat sa-hingga tahun yang kelima, terchapai-nya target atau matalamat yang negeri ini telah menchukupi pengeluaran beras dan tidak lagi bergantung kepada negeri luar.

Yang kedua, kita dapati bahawa pihak Kementerian² nampak-nya tidaklah ada kerjasama di-antara satu sama lain dalam melaksanakan ranchangan² mengikut jabatan masing² sa-bagaimana penyata di-sini dalam Gross Public Investment, yang mana kita dapat keterangan yang jelas seperti dalam ranchangan Rubber Replanting yang telah di-jayakan sa-banyak 86 peratus, tetapi kalau kita pergi kepada ranchangan Roads and Bridges telah lebeh daripada target atau matalamat-nya ia-itu 136 peratus dan kalau kita pandang kepada Drainage and Irrigation hanya 64 peratus sahaja. Walhal Drainage and Irrigation ini satu jabatan yang sangat mustahak bagi menjayakan ranchangan pesawahan, kerana banyak tanah² yang boleh tanam padi,

tetapi tidak menchukupi ayer menyebabkan padi-nya tidak subur dan ada tanah² yang tenggelam oleh ayer yang ta' dapat di-gunakan langsung. Walau pun kita tidak-lah menafikan mustahak-nya jalan² raya dan jambatan², tetapi apa yang kita dapati Kerajaan menumpukan ranchangan-nya bagi pembenaan jalan² dan jambatan di-Pantai Barat termasuk Pahang dan tidak begitu di-Pantai Timor, Kelantan dan Trengganu. Lebeh² lagi jalan² raya ka-kampung² yang sangat kekurangan kalau pun ada sangat menyedehkan. Sunggoh pun ada peruntukan wang Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri tetapi tidak-lah menchukupi untuk membuat atau membena jalan² raya dan jambatan² yang perlu di-kampung². Kita berkehendakkan supaya ra'ayat dapat mengeluarkan barang² dan hasil² mereka daripada kampung ka-pasaran dengan mudah bagi melapangkan kehidupan mereka. Bagitu-lah juga mustahak-nya Jabatan Drainage and Irrigation supaya ranchangan²-nya itu menchapai ka-target-nya 100 peratus, walhal mengikut penyata ini di-lebuhkan sangat² kepada jabatan Roads and Bridges. Bagitu juga dalam soal Bertanam Sa-mula, di-mana dalam penyata ini kita dapati pehak Pekebun² Besar atau Estate yang telah mendapat kelebihan ranchangan menanam sa-mula daripada pekebun² kechil, sunggoh pun dalam tahun ini atau Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua akan di-chuba bagi melebehkan ranchangan Bertanam Sa-mula bagi pehak pekebun² kechil. Tetapi pada permulaan yang pertama kita nampak bahawa Kerajaan tidak-lah bersunggoh² untuk memberi bantuan atau menjalankan ranchangan kepada ra'ayat di-kampung².

Yang ketiga berkenaan dengan technical. Dalam buku ini kita nampak satu ranchangan untuk membanyakkan ahli² technic di-ambil dari luar negeri, tetapi sa-patut-nya Technical Training School di-perbanyakkan dalam negeri ini supaya kita tidak payah bergantung kepada ahli² technic dari luar negeri.

Sa-perkara lagi ia-lah berkenaan dengan survey. Dalam penyata ini Jabatan Survey hanya menchapai target-nya kepada 37 peratus, walhasil

jabatan ini ada-lah sangat mustahak dalam pembangunan ranchangan tanah. Ini telah menunjukkan betapa tidak lichin-nya dalam chara melaksanakan Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama, kerana telah di-dapati beberapa Jabatan² yang mustahak telah tidak menchapai kepada matalamat-nya dan di-antara-nya pula telah melebehi dan pada matalamat sa-bagaimana yang telah saya sebutkan tadi. Jadi pada masa ini ra'ayat di-kampung² berharap kepada perubahan bagi meninggikan taraf kehidupan mereka, tetapi kalau Kerajaan tidak mendatangkan perubahan chara melaksanakan Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini, maka harus-lah perubahan taraf kehidupan orang² kampung yang dichita²kan itu tidak akan dapat terchapai.

Satu soalan lagi berkenaan RIDA berhubung perkara perusahaan batek dan songket. Maka ini satu perusahaan yang di-jalankan oleh orang² Melayu sendiri di-Pantai Timor, yang mana pehak RIDA patut bersunggoh² memberi galakan dan pertolongan dan di-samping itu Kerajaan mesti-lah memberi perlindungan supaya perusahaan ini jangan rosak dan kalah daripada kemasokan barang² perusahaan sa-jenis ini juga daripada negeri luar, kerana pada masa ini telah banyak kain² songket masuk ka-negeri ini daripada buatan Jepun yang harus pada satu masa kelak akan merosakkan perusahaan anak negeri sendiri. Tambahan lagi di-dapati ada beberapa saudagar² terdiri daripada orang² asing dalam negeri ini telah menjalankan perusahaan kain² batek dan songket² ini di-Pantai Timor. Ini harus-lah di-adakan satu sekatan, supaya perusahaan dan perdagangan yang demikian ini di-jalankan dengan sa-penoh-nya oleh orang² Melayu sendiri.

Kita tadi telah mendengar daripada sa-orang Ahli Yang Berhormat daripada Krian Laut yang mengatakan bahawa pehak Kerajaan Kelantan tidak berjaya menjalankan ranchangan tanah. Dukachita sangat kami mendengar tuduhan itu. Kalau Ahli Yang Berhormat itu telah membacha surat khabar, tentu mendapat tahu bahawa Kerajaan Kelantan telah pun menjalankan pembukaan tanah sa-luas 19,000

ekar. Dan di-antara Ahli² Yang Berhormat yang lain pula telah menudoh bahawa Kerajaan² Kelantan dan Trengganu tidak mahu memberi kerjasama dengan Kerajaan Pusat. Yang sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, kami sedia memberi kerjasama dengan Kerajaan Pusat dalam masalaah rancangan tanah. Tetapi apa yang menjadi masalaah sekarang ia-lah kerana Kerajaan Pusat berkehendakkan supaya kuat kuasa lembaga tanah itu terletak di-tangan-nya. Kerajaan Kelantan sedia memberi kerjasama, tetapi kuat kuasa itu tidak-lah sa-harus-nya terletak bulat² di-tangan Kerajaan Pusat, bahkan bersama² dengan Kerajaan Negeri, maka baharu-lah dapat menchapai sesuatu. Tidak-lah patut Ahli Yang Berhormat di-sabelah sana tadi menudoh yang Kerajaan Kelantan tidak mahu bekerjasama, kami sedia bekerjasama, tetapi Kerajaan Pusat harus-lah bertolak ansor dalam masalaah ini dengan Kerajaan kami yang memementah di-negeri² Kelantan dan Trengganu. Kalau Kerajaan Pusat benar² berdasar untuk meninggikan taraf kehidupan ra'ayat, maka jangan-lah soal kuasa itu boleh menimbulkan satu perselisihan faham hingga boleh merosakkan satu² rancangan bagi pembinaan dan meninggikan taraf kehidupan ra'ayat.

Enche' Tan Phock Kin (Tanjong): Mr. Speaker, Sir, this morning we have heard speakers from the Alliance reiterating quite a number of times that this particular Plan for rural development—the Second Five Year Plan—is a very bold one; and it is also being reiterated that this Plan will be within the means of the Federation Government. I sincerely hope that the course of events will show that this is so.

The Paper went on further to say that the real challenge of the Plan is less one of raising funds than of raising and sustaining the levels of initiative, efficiency, drive and effort. So, from this statement, it is quite clear that the Alliance Government is very confident that it will be able to raise the necessary money for the Scheme. So, I would, first of all, like to briefly touch on this aspect of the problem.

It will be seen from the White Paper—and it has been pointed out time and again by speakers on the Alliance side, particularly by the Honourable the Minister of Finance—that quite a big portion of the revenue of the Federation is derived from the price of rubber; that is, the higher the price of rubber, the higher will be the revenue—and I would like to add that in the White Paper the price of rubber is placed at 80 cents. If we go back earlier to the first Five Year Plan, we will see that the price of rubber is placed very much below 80 cents, that is at 65 cents on the average, and we must remember that today the price of rubber is below 80 cents, and the prospects of rubber price increasing are indeed very grim—in fact, a lot of people have expressed concern over the threat of synthetic. In the light of that, one should look more closely at the Plan itself. If we put forward a Plan for five years, we must be sure that in spite of any eventualities, we will be able to carry out the Plan, because in a five-year plan it is a matter of priorities. We have to decide what particular capital works require priorities, and it is in the light of examination of various items that have been put forward that we decide on certain items to be included in the five-year plan. So, if we were to be rather ambitious and not provide for any eventuality, the time may come—I am not saying that it will come—when the rubber price may drop to perhaps 50 cents or 40 cents. Then what shall we do? We will have to modify our Plan. But it must be clear that in the Plan itself there are quite a number of projects that can be considered as prestige projects, projects that will not bring any production to this country, but projects that will merely make this country as a place where one can see a very grand Parliament House, where one can see an Indoor Stadium, that have no rivals anywhere in South-East Asia. But we must remember that when the time comes for us to make readjustments, we are unable to scrap such projects, because quite a substantial sum of money has already been put into the projects—and it is no use scrapping a project like the Indoor Stadium, which apparently has been hurriedly built, as

our Honourable Member for Ipoh has pointed out, without even calling for tenders. So, for projects like that, though later on we may realise that it should not be in the Five-Year Plan, it is too late as we have built it half-way. Therefore, it is my view that any five-year development plan must be conservatively planned. It must be planned in such a manner that we will be able to comply with any eventuality should the rubber price go down to the lowest level. It is rather regrettable that though the Honourable the Deputy Prime Minister did mention that "some of us Ministers will elaborate on the Plan, if necessary"—and I would have thought that in any five-year development plan it is most essential that a person like the Honourable the Minister of Finance should say a few words in introducing the Plan—I was shocked to see the Honourable Minister of Finance standing up and merely say, "Mr. Speaker, Sir, I beg to second," and promptly sat down. (*Laughter*) I would have expected a person who is, after all, the king-pin in this Five-Year Development Plan to have taken up the responsibility to explain to this House and to clarify on points that are not so clear in the White Paper itself. He has the opportunity and I regret to say that he did not make use of it.

Mr. Speaker: He will have another opportunity, because he merely seconded the motion. (*Laughter*).

Enche' Tan Phock Kin: Mr. Speaker, Sir, I did not hear the Honourable Minister of Finance say that he reserved his right to speak at a later stage; nothing was uttered by him to that effect and according to the strict interpretation of the Standing Orders, he is not entitled to speak. (*Laughter*).

I shall now dwell further on this particular point. I hope that even if the Honourable Minister of Finance is not in a position to speak, he will see to it that somebody else in the Ministerial Bench will be able to . . .

Dato' Ong Yoke Lin: Sir, on a point of order. Would the Honourable Member quote the Standing Order whereby in this instance the Minister of Finance is not allowed to speak again?

Mr. Speaker: I think the matter does not arise now until the Minister of Finance stands up. Then I can give a ruling, but not now. (*Laughter*).

Enche' Tan Phock Kin: Mr. Speaker, Sir, it seems to me that we have here in the White Paper assurances that in spite of this tremendous expenditure of funds it will be seen that the Minister is of the view that it will not cause inflation and we on this side of the House sincerely hope that this will be so. It is my hope that the Minister concerned will, in the course of this debate, give us further elaboration as to the position of our tax structure in the next five years, because it seems to me that from the White Paper very little information is given on that, or can one assume that the tax structure will remain the same? Those are matters of importance and I sincerely hope that the Minister concerned will clarify.

I will now come back to the challenge—the challenge, as I have stated before, is one of raising and sustaining the levels of initiative, efficiency, drive and effort. Well, let us analyse the attitude adopted by the Government in various matters with regard to the development schemes which definitely will be repeated in this Five-Year Development Plan. It is my submission that the question of sustaining the levels of initiative, efficiency, drive and effort is a matter of primary importance; and whether a government is able to do so or otherwise depends on what it has to offer, depends on its ideological outlook and on its method of organisation. I shall give specific examples to this House as to the reasons why I feel that the present Government will find it difficult in raising and sustaining such levels because, to my mind, it is solely due to their prejudices on certain forms of organisation. I would like to point out that even today, even at this very moment, we on the Opposition can point out the various forms of organisation both in the industrial and agricultural fields that can be improved, whereby a great deal of productivity can be increased. But due to Government's peculiar attitude towards certain matters, they are reluctant to implement them along those lines. So in view of that, Sir, I would

like to put forward concrete examples of what I have to say. For example, everybody is aware that in every field of human endeavour, Sir, it will be more efficient to organise things on a big scale. There is such a thing as economies of large scale production; and there is such a thing as division of labour whereby productivity in any field of human endeavour will definitely yield a higher product, giving a higher yield. So we can, first of all, since this particular Plan is concerned with rural development and the bulk of the money is utilised for rural development and for land utilisation, expect that more emphasis would have been placed by the Government in the form of co-operative development of farms, in the form of collective ownership of farms and other agricultural pursuits. It is obvious that if we ask one family to till a piece of land of 8 acres and to produce commodities as varied as rubber for profit and foodstuffs for his own utilisation, he will not be able to do it so efficiently as, say, a hundred people or a hundred families in a farm ten times its size, whereby they can have division of labour, whereby a few people will be in charge of raising poultry, a few people in charge of the rubber estates and a few people to do something else—perhaps to cook for all the families that are resident in that particular farm. The Government may think that this is a *commune*, the type of *commune* which has been practised in Soviet Russia, so we must not do it here. But I must say, Sir, that this idea of collective pursuits is not only done in countries like Soviet Russia or Communist China, but also in places like the United States, where you have a farm where they till as a collective organisation and share their profits accordingly. And I can even quote some capitalist countries which organise collective farms on a voluntary basis. That is what we should do. We should make it free to our people to decide. If in a certain group, in a little State, where people are prepared to say: "We are going to lead a collective life in this farm. We shall pool our resources together and till the soil and we shall share the fruits of our endeavours equally among ourselves," then it is

not for the Government to say, "No, you cannot do that." If they are going to own a farm on a collective basis and they are going to register a co-operative society, perhaps, say, The Ulu Klang Co-operative Society, owning land and applying to the Minister of Rural Development for land, I do not see any reason why the Minister of Rural Development should not grant land to the co-operative society. But as it is, the Government says: no, you must apply as individuals; we do not grant land to co-operative societies. So, in the light of this, the incentive for collective work, the incentive whereby productivity can be increased and efficiency in agriculture raised are all defeated, and on top of that I must point out certain glaring inadequacies of the present system, particularly with regard to the question of replanting. As we are aware the Ministry has been boasting all along with regard to the achievements in replanting. But I must point out here that replanting has been successful as far as the big estates are concerned, but among the smallholders it is well-nigh impossible for a smallholder to pursue a scheme of replanting because if a person owns seven acres and if he were to replant these seven acres he will be without any means of earning a livelihood for the next six or seven years, and this is applicable throughout the country. If the Honourable Minister had taken some trouble to examine the plight of the smallholders, he would have realised this. The bulk of the applicants for replanting among plantations that claim to be smallholdings are in actual fact not smallholders, as can be ascertained if an investigation is made into it. They are big speculators who purchase large rubber estates and divide them up into estates of less than 100 acres and utilise the funds that are available for the smallholders to replant. And what do they do after replanting? They sell the estates again and make huge profits. I am sure the Honourable Ministers would agree with me, and I am also sure that if the Honourable Ministers had been around and kept a close watch on the activities of these speculators, they would have

